



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING ICT

BIL.03/2017

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA IT DAN ELEKTRONIK (JITE) DAN JAWATANKUASA IT DAN ELEKTRONIK NEGERI (JITEN) SERTA PENURUNAN HAD KUASA PEROLEHAN ICT BERNILAI RM500,000 KE KAMPUS NEGERI

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk menyediakan garis panduan bagi pelaksanaan penurunan hadkuasa semua kelulusan perolehan ICT dan lain-lain sumber yang berkaitan (sama ada peralatan, perkakasan, perisian dan lain-lain yang berkaitan) yang didalam bidang kuasa Jawatankuasa Pembangunan Projek IT dan Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE) Shah Alam.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Dibawah tadbir urus 1UiTM:Multisistem yang diluluskan oleh Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti pada 1hb September 2015 lalu, tiga (3) struktur jawatankuasa tadbir urus baru telah dibentuk dan ditempatkan di bawah Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur bagi menggantikan yang sedia ada.

Tiga (3) jawatankuasa dibawah struktur tadbir urus baru tersebut adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa dibawah Tadbir Urus Baru (1UiTM:Multisistem)

Bil	Peringkat	Jawatankuasa	Skop
a.	Peringkat Pusat/UiTM	Jawatankuasa Pembangunan Projek IT Dan (JPPIT)	Kelulusan dasar
		Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE)	Kelulusan teknikal
b)	Peringkat Negeri;	Jawatankuasa IT Negeri (JITEN)	Perlaksanaan dasar dan teknikal sama seperti JPPIT dan JITE
c)	Peringkat Institut Pengurusan Penyelidikan(IRMI)	Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (JITEP)	Semua pembelian terus/runcit dibawah IRMI

b. Had Kuasa Meluluskan Permohonan

	Peringkat	Kelulusan Dasar	Had Kuasa	Kelulusan Teknikal	Had Kuasa
a.	Peringkat Pusat/UiTM	Jawatankuasa Pembangunan Projek IT Dan (JPPIT)	Lebih RM50,000 (termasuk negeri)	Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE) (merangkumi JPPICT, JAPD, Peralatan Elektronik dan Automasi Pejabat, Telekomunikasi, Sumber Elektronik dan Teknikal ICT Zon (Zon Pusat Shah Alam	Lebih RM50,000 (tender dan sebutharga rasmi) Kurang RM50,000 (sebutharga runcit/ pembelian terus PTJ Shah Alam
b.	Peringkat Negeri	Jawatankuasa IT Negeri (JITEN)	Kurang RM50,000 (sebutharga runcit/ pembelian terus negeri masing-masing	kelulusan dasar dan teknikal sama seperti JPPIT dan JITE	Kurang RM50,000 (sebutharga runcit/ pembelian terus negeri masing-masing
c.	Peringkat Institut Pengurusan Penyelidikan (IRMI)	-	-	Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (JITEP)	Kurang RM50,000.000 (sebutharga runcit/ pembelian terus negeri masing-masing

2.2 Skop dan sumber yang dibenarkan adalah seperti di dalam Garis Panduan Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE) dan Jawatankuasa IT dan Elektronik Negeri (JITEN) seperti di LAMPIRAN 1.

3.0 PENURUNAN DAN PELAKSANAAN HADKUASA

3.1 Hasil dari keputusan **Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke-200** bertarikh **1hb. September 2016** telah memperaku dan membenarkan penurunan hadkuasa kelulusan perolehan ICT dan sumber lain yang berkaitan bernilai kurang **RM500, 000.00** kepada Rektor atau Penolong Naib Canselor (UiTM Kampus Sg.Buloh dan Selayang) atau Ketua PTJ Kampus Negeri yang dilantik oleh Universiti.

3.2 Penurunan Had Kuasa

Bil	Peringkat	Kelulusan Dasar	Had Kuasa	Kelulusan Teknikal	Had Kuasa
a.	Peringkat Pusat/UiTM	Jawatankuasa Pembangunan Projek IT(JPPIT) merangkumi sumber kewangan, rasional/tujuan pembelian) -	Lebih RM500,000 (Tender semua kampus).	Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE) (merangkumi JPPICT, JAPD, Peralatan Elektronik dan Automasi Pejabat, Telekomunikasi, Sumber Elektronik dan Teknikal ICT Zon (Zon Pusat Shah Alam)	Lebih RM500,000 (tender semua kampus
			Lebih RM50,000 (PTJ di Shah Alam) sahaja		Kurang RM500,000. (sebutharga runcit/ rasmi di Kampus Shah Alam sahaja
b.	Peringkat Negeri	Jawatankuasa IT Negeri (JITEN)	Kurang RM500,000 (semua proses kelulusan sebutharga rasmi/ runcit dan pembelian terus negeri masing-masing KECUALI untuk kelulusan spesifikasi perlu dimajukan kepada JITE)		
c.	Peringkat Institut Pengurusan Penyelidikan (IRMI)	-	-	Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (JITEP)	Kurang RM50,000 (sebutharga runcit - semua permohonan perolehan ICT dan sumber lain yang berkaitan yang dipohon IRMI)

3.3 Perincian penerangan bidang tugas, struktur jawatankuasa dan senarai sumber, tata cara perolehan peralatan saintifik, peralatan makmal dan bengkel yang boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Projek IT(JPPIT), Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE) dan Jawatankuasa IT dan Elektronik Negeri (JITEN) boleh dirujuk pada **Garis Panduan Jawatankuasa IT Dan Elektronik (JITE) DAN Jawatankuasa IT Dan Elektronik Negeri (JITEN).**

3.4 Had penurunan kuasa ini boleh diubah dan ditamatkan pada bila-bila masa tertakluk kepada mana-mana pekeling dan arahan yang berkaitan.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeling ini dikeluarkan pada 21 Julai 2017

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeling ini berkuat kuasa pada 3 Januari 2017

6.0 PEMAKAIAN

Pekeling ini adalah terpakai untuk semua perolehan sumber ICT dan sumber lain yang berkaitan di Universiti Teknologi MARA

Yang benar,



PROF. IR. DR. HAJI ABDUL RAHMAN OMAR, JSM

Timbalan Naib Canselor(Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-CSPI (PT. 6/7/2)

Tarikh : 21 Julai 2017



**GARIS PANDUAN JAWATANKUASA IT
DAN ELEKTRONIK (JITE) DAN
JAWATANKUASA IT DAN ELEKTRONIK
NEGERI (JITEN)**

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	7
2.0	PERALATAN DAN PERKHIDMATAN	9
3.0	SEKRETARIAT	12
4.0	HURAIAN AKTIVITI	13
5.0	PELAN PERALIHAN	26
6.0	KAWALAN DAN PEMANTAUAN	27
7.0	PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA	28
	SENARAI LAMPIRAN	29

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Seiringan dengan Transformasi UiTM yang menekankan pelaksanaan model tadbir urus 1UiTM : Multisistem, satu jawatankuasa baharu telah ditubuhkan bagi melancarkan proses perolehan ICT universiti
- 1.2. Bagi mempermudah proses-proses kelulusan perolehan ICT, APD, peralatan elektronik dan automasi pejabat, telekomunikasi dan sumber elektronik, penubuhan jawatankuasa baru yang telah dibentuk adalah;
 - a. Peringkat Pusat / UiTM
 - Jawatankuasa Pembangunan Projek IT(**JPPIT**) - kelulusan dasar
 - Jawatankuasa IT & Elektronik (**JITE**) - kelulusan teknikal
 - b. Peringkat Negeri
 - Jawatankuasa IT Negeri (**JITEN**) – pelaksanaan dasar dan teknikal
 - c. Peringkat Institut Pengurusan Penyelidikan
 - Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (**JITEP**) - kelulusan dasar dan teknikal dan hanya meliputi perolehan untuk pembelian terus/sebutharga runcit kurang RM50K sahaja
- 1.3. Penubuhan jawatankuasa baharu ini juga akan memansuhkan jawatankuasa teknikal sediaada seperti;
 - a. Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelidikan ICT (JPPICT)
 - b. Jawatankuasa Alat Pandang Dengar (JAPD)
 - c. Jawatankuasa Peralatan Elektronik dan Automasi Pejabat
 - d. Jawatankuasa Telekomunikasi
 - e. Jawatankuasa Khas Sumber Elektronik (JKSE)
 - f. Semua Jawatankuasa Teknikal ICT Zon (Zon Pusat dan Zon Negeri)
- 1.4. Garis Panduan ini melibatkan kelulusan teknikal perolehan peralatan dan perkhidmatan ICT, alat pandang dengar, peralatan elektronik dan automasi pejabat, telekomunikasi dan sumber digital dalam skop tugas:-
 - a) Sebut harga runcit/ pembelian terus
 - b) Sebutharga rasmi
 - c) Tender
 - d) Rundingan Terus
 - e) Pertukaran Model
 - f) Laporan Pengesahan Peralatan Hilang
 - g) Lain-lain proses pengesahan teknikal berkaitan dengan perolehan dalam bidang kuasa dan skop berkenaan

- 1.5. Garis Panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi **Jawatankuasa Teknikal ICT UiTM** (Pusat dan Negeri) dan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) kampus-kampus UiTM (Pusat dan Negeri) membuat permohonan projek ICT. Maklumat lanjut berkenaan kelulusan teknikal boleh diperolehi dari urusetia di;

Setiausaha
Jawatankuasa IT & Elektronik (JITE)
d/a Jabatan Infostruktur
Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
Tingkat 5, Menara Sultan Abdul Aziz Shah
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

- 1.6. Garis Panduan berkaitan jawatankuasa **dasar perolehan ICT** universiti pula adalah tertakluk dengan dasar dan polisi projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi UiTM yang terkini. Maklumat lanjut mengenainya boleh didapati dari urusetia di:

Setiausaha
Jawatankuasa Pembangunan Projek IT (JPPIT)
d/a Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

- 1.7. Struktur keahlian, fungsi tugas, punca kuasa dan lain-lain maklumat berkaitan jawatankuasa baharu adalah seperti dalam **Lampiran 1**.

20 PERALATAN DAN PERKHIDMATAN

- 2.1. Semua perolehan peralatan, perkhidmatan, dana sebarang sumber berkaitan yang di bawah bidang kuasa jawatankuasa ini adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, Pekeliling MAMPU, Pekeliling Bendahari serta pekeliing lain yang berkaitan yang masih berkuatkuasa serta garis panduan ICT, APD, peralatan elektronik dan automasi pejabat, telekomunikasi dan sumber digital universiti yang terkini.
- 2.2. Peralatan-peralatan yang dibenarkan diperoleh peruntukan ini adalah seperti berikut:

2.2.1. ICT

- i) Komputer – *Laptop, notebook, netbook, desktop, tablet, workstation dan sebagainya*
- ii) Pencetak - *tidak termasuk mesin fotostat dan pencetak berkapasiti tinggi*
- iii) Pengimbas (*scanner*)
- iv) Aksesori ICT – *pendrive (16GB atau lebih), hardisk (500GB atau lebih) dan sebagainya*
- v) Perisian Komputer
- vi) Perkakasan Rangkaian Komputer - *switch, controller dan sebagainya*
- vii) Perkakasan High End Computing - *server, rack, storage, enclosure dan sebagainya*
- viii) Pembangunan Sistem Aplikasi- termasuk *Queue-system*
- ix) Perkhidmatan ICT (*Services*) - *web hosting, penyelenggaraan dan sebagainya*
- x) Peningkatan Sistem (*Upgrading*)
- xi) Khidmat Profesional (*Professional Services*)
- xii) Perluasan Sistem (*Roll-Out*)
- xiii) Peralatan Perpustakaan - *RFID, Kiosk, Book Return System, Barrier Gate dan sebagainya*
- xiv) Peralatan Bengkel/ Makmal dan lain-lain yang mempunyai komponen ICT (*minor ICT*)-seperti *PC, printer, perisian dan lain-lain*

2.2.2. APD

Audio Sistem

- i) Radio - *Semua jenis radio*
- ii) Audio System - *PA system, In-door/outdoor sound reinforcement system, lectern, Permanent installation audio system, Conference system dan lain-lain*
- iii) Broadcast Equipment - *Semua sistem audio untuk tujuan penyiaran samada radio dan lain-lain*
- iv) Aksesori Audio - *Cable, connector, rack dan lain-lain*
- v) AV Control System - *Semua jenis sistem kawalan AV*
- vi) Perakam Suara / Pemain MP3 - *Semua jenis perakam suara/Pemain MP3*
- vii) Audio duplicator - *Digunakan untuk duplikasi media*

Video Sistem

- i) Television - *Semua jenis TV termasuk HDTV dan lain-lain*
- ii) Video Camera - *Semua jenis video camera, camcorder dan perakam video, videocam dan lain-lain termasuk DSLR kamera.*
- iii) LCD Data/Video Projector - *Semua jenis projector*
- iv) Overhead Projector (OHP) - *Projector untuk tranperensi*
- v) VCR Player - *Pemain VCR Player (VHS Tape)*
- vi) VCD/DVD Player - *Pemain VCD/DVD Player (VCD/DVD Disc)*
- vii) Still Camera- *Perakam imej statik digital, analog, Lens dan lain-lain*

- viii) Visual Presenter - *Document camera*
- ix) Slide projectors - *Projector yang digunakan untuk memancarkan imej slide pada skrin*
- x) Display Board - *Paparan elektronik yang digunakan untuk memaparkan maklumat*
- xi) Broadcast Equipment - *Semua sistem audio video untuk tujuan penyiaran samada TV dan lain-lain*
- xii) Aksesori audio video - *Cable, connector, rack dan lain-lain*
- xiii) Skrin - *Semua jenis skrin paparan samada manual atau motorized*
- xiv) Video System - *Semua jenis sistem video*
- xv) Duplicator - *Digunakan untuk duplikasi media*
- xvi) Non-Linear Editing System - *Digunakan untuk tujuan pembikinan dokumentari, filem dan persembahan multimedia*

2.2.3. Peralatan Elektronik dan Automasi Pejabat

- i) Mesin Fotostat
- ii) Pencetak berkapsiti tinggi
- iii) Peralatan elektronik dan kelengkapan pejabat (*Home/Office appliance*) untuk kegunaan pejabat seperti pembancuh kopi (*coffee mixer*), peti sejuk, peracik kertas (*shredder*), *water dispenser*, *sterika elektrik* dan sebagainya

2.2.4. Telekomunikasi

- i) Walkie-talkie
- ii) Langgan Jalur lebar (*broadband, data plan tidak termasuk langgan UiTM dengan TM atau ISP lain untuk metro-E dan internet korporat*)
- iii) PABX
- iv) Telefon selular (*mobile Phone*)
- v) Telefon (*IP dan Talian Tetap*)

2.2.5. Sumber Digital/Elektronik

- i) Pangkalan data atas talian
- ii) e-jurnal
- iii) Pelbagai jenis bahan elektronik yang disimpan dalam;
 - CD ROM, CD Audio, VCD, DVD, Pita video, kaset, kit dan sebagainya
- iv) *Image database* (contoh: Gambar, Lukisan, Peta dan sebagainya)
- v) e-kandungan (*e-content*)

- 2.2 Segala permohonan perolehan pembelian terus/ runcit menggunakan geran penyelidikan hendaklah dimajukan ke Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI) untuk proses kelulusan oleh Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (JITEP).
- 2.3 Permohonan runcit dibawah **RM50K** untuk semua **PTJ Shah Alam**, boleh dimajukan terus ke JITE tanpa perlu kelulusan JPPIT kecuali untuk permohonan-permohonan tertentu yang difikirkan masih memerlukan semakan dan kelulusan JPPIT.
- 2.4 Semua kelulusan teknikal perolehan melebihi **RM500K (Shah Alam dan negeri)** perlu dibawa dahulu ke JPPIT bagi kelulusan dasar KECUALI sebarang Peralatan (Bengkel/ Makmal dan sebagainya) yang mempunyai komponen ICT (*minor ICT*)-seperti *PC, printer, perisian dan lain-lain*.

- 2.5 Semua perolehan yang **melebihi RM50K (semua PTJ)** perlu dirujuk terlebih dahulu dan mendapat pengesahan spesifikasi teknikal dari Jawatankuasa IT & Elektronik (**JITE**). Manakala item 2.2.1.a(viii) iaitu Pembangunan Sistem Aplikasi perlu mendapat kelulusan JPICIT Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu sepertimana peruntukan dalam **Surat Pekeliling AM Bil.3 Tahun 2015 – Jabatan Perdana Menteri bertarikh 11hb November 2015**.
- 2.6 Bagi item 2.2.1.a(xiv), Peralatan Makmal dengan komponen ICT pula perlu mendapatkan **pengesahan spesifikasi teknikal** terlebih dahulu dari **JITE/JITEN** untuk mengesahkan samada komponen ICT adalah terbina bersama peralatan tersebut (*embedded*) atau secara berasingan (*independent*) (rujuk **Pekeliling Bendahari Bilangan 4 Tahun 2012**). Setelah mendapat pengesahan, hanya spesifikasi teknikal komponen IT (*contoh - PC, printer*) yang perlu disahkan dan ditandatangani oleh pengerusi jawatankuasa teknikal ICT berserta Surat kelulusan.
- 2.7 **Perolehan peralatan makmal atau bengkel** yang mengandungi **komponen IT** yang tidak terbina sekali (*embedded-Kategori Minor IT*) untuk sebarang nilai, perlu mendapat kelulusan teknikal samada oleh JITE jika permohonan di Shah Alam atau JITEN jika di negeri tertakluk kepada jumlah keseluruhan dan bukan hanya peralatan ICT berkenaan. Sila **rujuk Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2008 dan Bil 8/2009**.
- 2.8 **Perolehan peralatan saintifik** oleh IRMI yang mengandungi komponen ICT yang tidak terbina sekali (*embedded*) yang bernilai kurang RM50, 000.00 hanya perlu kelulusan oleh Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (JITEP) sahaja.
- 2.9 Maklumat lanjut berkaitan dasar-dasar perolehan ICT dan alat berkaitan boleh diperolehi dari JPPIT dan maklumat berkaitan teknikal pula JITE.
- 2.10 Jawatankuasa induk (JITE) berhak untuk mengubah, menambah, menghapus atau meminda mana-mana panduan yang terdapat dalam garis panduan ini dan juga boleh menarik balik penurunan kuasa ini dari masa ke semasa sekiranya terdapat perubahan kepada mana-mana pekeliling terkini yang digunapakai.

30 SEKRETARIAT

- 3.1. Sekretariat jawatankuasa di peringkat pusat/ induk (Shah Alam) dan peringkat negeri perlu dibentuk untuk membolehkan keseluruhan perjalanan jawatankuasa teknikal ICT berjalan lancar.
- 3.2. Sekretariat induk (JITE) akan memantau, membantu dan mengawal-selia pelaksanaan dan proses kerja semua jawatankuasa teknikal ICT negeri sekiranya timbul sebarang masalah. JITE juga akan melakukan pengauditan dari masa ke semasa ke mana-mana sekretariat JITEN atau JITEP(IRMI)
 - 3.2.1. Sekretariat JITE di Shah Alam adalah juga merupakan jawatankuasa teknikal ICT untuk;
 - (a) semua perolehan yang melibatkan tender dan rundingan terus (*untuk pusat dan negeri*) dan juga
 - (b) semua perolehan (*runcit, sebut harga rasmi, rundingan terus dan juga tender*) untuk semua PTJ di Shah Alam kecuali PTJ RMI semakan oleh Jawatankuasa IT & Elektronik Penyelidikan (JITEP).
 - 3.2.2. Keahlian JITEN, skop tugas dan tanggungjawab adalah seperti **Lampiran 1**
- 3.3. Sekretariat JITEN/JITEP pula diwujudkan di kampus negeri seperti berikut;-
 - a) UiTM Perlis - Kampus Arau
 - b) UiTM Kedah - Kampus Merbok
 - c) UiTM Pulau Pinang - Kampus Permatang Pauh
 - d) UiTM Perak - Kampus Seri Iskandar
 - e) UiTM Selangor (**kecuali PTJ Shah Alam**) - Kampus Puncak Alam
 - f) UiTM Negeri Sembilan - Kampus Kuala Pilah
 - g) UiTM Melaka - Kampus Lendu
 - h) UiTM Johor - Kampus Segamat
 - i) UiTM Pahang - Kampus Jengka
 - j) UiTM Terengganu - Kampus Dungun
 - k) UiTM Kelantan - Kampus Machang
 - l) UiTM Sabah - Kampus Kota Kinabalu
 - m) UiTM Sarawak - Kampus Samarahan
 - n) Institut Pengurusan Penyelidikan- JITEP/IRMI
 - 3.3.1. JITEN/JITEP juga akan melaksanakan penilaian dasar perolehan ICT (penurunan kuasa oleh JPPIT) disamping penilaian teknikal (JITE).
 - 3.3.2. Keahlian JITEN, skop tugas dan tanggungjawab adalah seperti **Lampiran 1**

40 HURAIAN AKTIVITI

- 4.1 Setelah mendapatkan kelulusan peruntukan kewangan di peringkat PTJ / negeri, permohonan hendaklah dimajukan ke Jawatankuasa IT & Elektronik Negeri (JITEN)/ Jawatankuasa IT & Elektronik (JITE) / Jawatankuasa Pembangunan Projek IT (JPPIT)/ Jawatankuasa IT & Elektronik Penyelidikan (JITEP) untuk proses kelulusan dasar perolehan dan teknikal bergantung kepada nilai perolehan dan kategori-kategorinya.
- 4.2. Bagi semua PTJ di Shah Alam, proses kelulusan teknikal untuk perolehan ICT akan dipertanggungjawabkan kepada JITE Shah Alam sepenuhnya bagi semua nilai perolehan (*runcit, sebut harga resmi dan tender*). Perolehan melebihi RM500,000 masih perlu kelulusan JPPIT untuk kelulusan dasar.
- 4.3. Semua permohonan yang dimajukan ke JPPIT Shah Alam (*kelulusandasar*) hendaklah disertakan sekali dengan dokumen spesifikasi teknikal dan lain-lain dokumen teknikal berkaitan (*seperti katalog dan sebagainya*) untuk memudahkan proses kelulusan dan semakan. Kelulusan teknikal akan dimajukan oleh urusetia JPPIT ke urusetia JITE jika perlu kelulusan teknikal.
- 4.4. Sekiranya permohonan yang tidak perlu kelulusan JPPIT(kategori Minor ICT), permohonan yang dimajukan terus ke JITE dan hendaklah disertakan sekali dengan dokumen spesifikasi teknikal dan lain-lain dokumen teknikal berkaitan (*seperti katalog dan sebagainya*) untuk memudahkan serta mempercepatkan proses kelulusan dan semakan.
- 4.5. Perolehan Melalui Pembelian Terus/Runcit
(kurang RM50,000.00 tidak termasuk GST) - JITE/JITEN/JITEP**
- 4.5.1. Prosedur adalah berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeliing semasa yang masih berkuatkuasa. Proses adalah seperti berikut (*Lampiran 2*):-

Peranan	Tugasan
Pemohon	<p>a) Mendapatkan sebut harga daripada pembekal dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk perolehan sebut harga runcit. Cara perolehan pembelian terus/ runcit adalah berdasarkan format Pejabat Bendahari sediaada.</p> <p>b) Menyediakan dokumen-dokumen perolehan yang diperlukan seperti Borang PB-3/80 untuk diserahkan kepada Pejabat Bendahari PTJ/kampus cawangan masing-masing</p> <p>i. Menyediakan analisa sebut harga runcit berdasarkan format Bendahari</p> <p>ii. Mengemukakan katalog (<i>berserta dengan tawaran spesifikasi teknikal terperinci</i>)</p> <p>c) Tidak perlu penyediaan spesifikasi untuk pembelian terus/runcit kecuali permohonan melibatkan Alat Pandang Dengar perlu mengisi borang APD-1 dan APD-2.</p>
Setiausaha	Menerima dan memastikan semua dokumen analisa sebut harga runcit lengkap mengikut proses perolehan Bendahari UiTM
JITEN/JITE/ JITEP	a) Menyemak spesifikasi peralatan adalah berdasarkan teknologi terkini atau mengikut keperluan.

	<p>b) Menasihati Pejabat Bendahari mengenai kewajaran kadar harga yang dinyatakan di dalam analisa sebut harga</p> <p>c) Memberi kelulusan kepada permohonan perolehan yang dimajukan oleh PTJ.</p> <p>d) PTJ/ pemohon tidak perlu membuat pembentangan. Hanya jika perlu sahaja barulah pemohon dipanggil untuk memberi penerangan/ pembentangan</p>
Setiausaha	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan surat kelulusan bagi pembelian secara sebut harga runcit (<i>Lampiran 4</i>) 2. Memastikan dokumen analisa dan lain-lain dokumen berkaitan ditandatangani oleh Pengerusi. 3. Mengembalikan dokumen analisa kepada pemohon. 4. Menyimpan salinan dokumen dan menghantar laporan ke (JITE) Shah Alam mengikut jadual. (<i>Lampiran 5</i>) <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur Pembelian Terus / Runcit ini membatalkan prosedur sedia ada penurunan kuasa untuk proses perolehan JTICT Zon-zon secara runcit sediada • Semua proses perolehan runcit PTJShah Alam yang sebelum ini diproses di JTICT Zon-zon di Shah Alam akan diuruskan oleh JITE Shah Alam. • Semua tandatangan pengerusi mestilah menggunakan pen berdakwat hitam. (Tidak dibenarkan untuk menggunakan cop tandatangan)

4.6. Perolehan Secara Sebutharga Rasmi (Melebihi RM 50,000 dan kurang RM500,000 tidak termasuk GST)-JITE/JITEN

4.6.1. Prosedur adalah berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeliing semasa yang masih berkuatkuasa. Proses adalah seperti berikut (*Lampiran 2*):-

(a) *Kelulusan dan Pengesahan Spesifikasi (JITE sahaja)*

Peranan	Tugasan
Pemohon	<ol style="list-style-type: none"> a) Mendapatkan contoh spesifikasi daripada JITE Shah Alam untuk item-item tertentu (<i>Lampiran 3</i>) b) Jika melibatkan pembangunan sistem, rujuk kepada Pegawai PenyelarasKPT (<i>Liason Officer</i>) di Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Infostruktur UiTM Shah untuk mendapatkan kelulusan JPICT, KPT serta mana-mana kelulusan lain yang berkenaan. c) Membuat pindaan spesifikasi dan menghantar spesifikasi berserta katalog/brosur kajian pasaran dan lain-lain dokumen kelulusan kepada JITE untuk pengesahan dan kelulusan melalui urusetia JITEN negeri masing-masing. d) Setelah mendapat kelulusan dan pengesahan, pemohon perlu menyediakan dokumen-dokumen perolehan (Sila rujuk Bendahari Perolehan) yang diperlukan berserta semua dokumen yang telah disahkan oleh JITE untuk diserahkan kepada Bahagian Perolehan d) Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan mestilah mengikut

	<p>Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeliing semasa yang masih berkuatkuasa.</p> <p>e) Kenalpasti samada ada keperluan untuk lawatan tapak dan taklimat kepada vendor serta tetapkan tarikh bagi taklimat atau lawatan tapak.</p> <p>f) Penyediaan spesifikasi perisian dibenarkan untuk menyatakan nama perisian yang diperlukan - contoh Adobe CC, Google Sketchup, Maple, Mathcad dan sebagainya</p>
Setiausaha	<p>Menerima dan memastikan semua dokumen yang berkaitan lengkap mengikut proses perolehan Bendahari UiTM. (<i>Lampiran 6- Senarai Semak Permohonan Kelulusan Spesifikasi Teknikal</i>)</p>
JITE	<p>a) Memberikan contoh spesifikasi standard kepada pemohon (JITE sahaja) (<i>Lampiran 2-contoh spesifikasi</i>)</p> <p>b) Semakan dengan pembekal/ prinsipal/ laman web untuk pengesahan harga pasaran dan semua maklumat terkini yang berkaitan</p> <p>c) Membuat perbincangan bersama pemohon sekiranya terdapat perubahan spesifikasi yang perlu dibuat.</p> <p>d) Memuktamadkan spesifikasi dan penyediaan dokumen untuk ujilari/ dokumen UAT (<i>Lampiran 6-UAT</i>)</p>
Setiausaha	<p>a) Menyediakan surat kelulusan spesifikasi (<i>Lampiran 3</i>)</p> <p>b) Menyediakan spesifikasi teknikal muktamad</p> <p>c) Memastikan Pengerusi JITE menandatangani surat kelulusan dan juga di setiap mukasurat berserta cop resmi dokumen spesifikasi teknikal</p> <p>d) Mengembalikan semua dokumen berkenaan kepada pemohon</p> <p>e) Menyimpan salinan dokumen</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebelum sebarang pengesahan dan kelulusan teknikal dibuat, JITEN hendaklah terlebih dahulu menyemak permohonan dari aspek dasar (Kuasa dari JPPIT) – Garispanduan dan prosedur penyemakan dasar boleh dirujuk kepada Sekretariat JPPIT • Penyediaan spesifikasi teknikal hendaklah berdasarkan kepada teknologi terkini yang ada dalam pasaran dan mengikut format standard seperti contoh-contoh dalam Lampiran 3 • Kelulusan pengesahan spesifikasi teknikal tidak boleh digunakan untuk rundingan terus begitu juga sebaliknya • Kelulusan pengesahan spesifikasi teknikal/rundingan terus hanya sah laku dalam tempoh 1 tahun • Semua tandatangan pengerusi mestilah menggunakan pen berdakwa hitam. (Tidak dibenarkan untuk menggunakan cop tandatangan)

(b) *Analisa Dokumen Sebutharga Rasmi(JITE/JITEN)*

Peranan	Tugasan
Pemohon	<p>a. Melantik jawatankuasa analisa sebutharga rasmi peringkat PTJ - pastikan pengerusi dan ahli mengisi Surat Akuan Selesai serta Pek Integriti (<i>Lampiran 5</i>)</p> <p>b. Mengambil semua dokumen tawaran sebutharga syarikat dari Pejabat Bendahari setelah Sebutharga Rasmi/ Tender ditutup (<i>hanya dokumen teknikal sahaja jika bukan analisa bersama</i>)</p> <p>c. Mengadakan mesyuarat analisa sebutharga-pastikan keputusan diminitkan (<i>Lampiran 5</i>)</p> <p>d. Membuat laporan analisa teknikal yang mengandungi dokumen (<i>lampiran 5</i>);</p> <p>i) Minit Mesyuarat yang akan disahkan oleh JITEN/JITE Shah Alam</p> <p>ii) Laporan Analisa Teknikal</p> <p>iii) Jadual Analisa Teknikal Terperinci</p> <p>iv) Jadual Ringkasan Analisa Teknikal</p> <p>v) Maklumat kewangan penilaian, senarai pengalaman - jika analisa bersama</p> <p>e. Memajukan dokumen-dokumen perolehan yang diperlukan seperti dalam para (d) di atas kepada JITEN/JITE Shah Alam untuk pengesahan dan pembentangan (<i>jikaperlu</i>).</p> <p>f. Membuat pembetulan kepada semua dokumen (d) hasil dari keputusan mesyuarat JITEN/JITE Shah Alam.</p> <p>h. Setelah diluluskan, pemohon perlu menyediakan dokumen-dokumen perolehan yang diperlukan untuk diserahkan kepada Pejabat Bendahari Perolehan / kampus cawangan masing-masing;</p> <p>i) Surat kelulusan Analisa Teknikal</p> <p>ii) Laporan Analisa Teknikal</p> <p>iii) Jadual Analisa Teknikal Terperinci</p> <p>iv) Jadual Ringkasan Analisa Teknikal</p> <p>v) Minit Mesyuarat yang akan ditandatangani / disahkan oleh pengerusi JITEN/JITE Shah Alam (Mesyuarat jawatankuasa analisa(PTJ))</p> <p>vi) Dokumen-dokumen tawaran syarikat</p> <p>vii) Mendapatkan tentatif tarikh untuk Mesyuarat Lembaga Perolehan Sebutharga</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon perlu memastikan (1) Laporan Analisa Teknikal,(2) Jadual Analisa Teknikal Terperinci dan Jadual Ringkasan, telah ditandatangani dan dicop disetiap mukasurat oleh pengerusi JITEN/JITE Shah Alam. • Bagi analisa kategori perolehan perkhidmatan perlu dibuat secara bersama-sama dengan pihak Jawatankuasa Harga-sila rujuk Bendahari Perolehan. (<i>Lampiran 5</i>)
Setiausaha	<p>Memastikan dokumen-dokumen pada para h(i) hingga h(vii) dimajukan adalah lengkap (<i>Lampiran 6- Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pengesahan Analisa Teknikal</i>)</p>
JITEN/JITE	<p>a. Menyemak dan membincangkan dokumen-dokumen untuk pengesahan.</p>

	<p>b. Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, pemohon diminta hadir untuk membentangkan laporan analisa.</p> <p>c. Jika tiada sebarang pindaan, pengesahan akan dibuat</p>
Setiausaha	<p>a) Setelah diputuskan/sahkan dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal;</p> <p>i) Menyediakan Minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal IT (JITEN/JITE Shah Alam) - (<i>Lampiran 5</i>)</p> <p>ii) Membantu mengemaskini dan memperbaiki Laporan Analisa Teknikal Jawatankuasa Teknikal IT (JITEN / JITE Shah Alam)</p> <p>iii) Membantu mengemaskini dan memperbaiki Jadual Analisa Teknikal Terperinci</p> <p>iv) Membantu mengemaskini dan memperbaiki Jadual Ringkasan Analisa Teknikal</p> <p>v) Membantu mengemaskini dan memperbaiki minit mesyuarat Jawatankuasa Analisa PTJ</p> <p>vi) Menyediakan surat kelulusan pengesahan Laporan Analisa Teknikal (<i>Lampiran 4</i>)</p> <p>b) Memastikan Pengerusi JITEN kampus negeri/JITE Shah Alam menandatangani setiap mukasurat dokumen analisa teknikal a(i) hingga a(vi) diatas</p> <p>c) Mengembalikan semua dokumen berkenaan kepada pemohon</p> <p>d) Menyimpan salinan dokumen dan menghantar laporan berserta semua salinan dokumen berkaitan ke JITE Shah Alam (bagi kampus negeri) mengikut jadual.</p> <p>e) Memastikan pengerusi dan ahli mesyuarat mengisi Surat Akuan Selesai serta Pek Integriti (<i>Lampiran 5</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua tandatangan pengerusi mestilah menggunakan pen berdakwat hitam. (Tidak dibenarkan untuk menggunakan cop tandatangan

(c) Pembentangan di Jawatankuasa Sebutharga

Peranan	Tugasan
Pemohon	Pemohon perlu hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan untuk membentangkan laporan analisa yang telah dibuat (<i>tertakluk kepada Bahagian Perolehan</i>)
JITEN/ JITE	Pengerusi turut hadir untuk membuat pembentangan laporan analisa teknikal bersama pemohon / PTJ

**4.7. Perolehan Secara Tender
(Melebihi RM 500,000.00 tidak termasuk GST)**

4.7.1. Perolehan secara tender adalah berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuatkuasa. Prosedur adalah sama dengan kelulusan perolehan secara sebutharga rasmi **TETAPI** perlu dimajukan ke JPPIT untuk kelulusan dasar dan JITE Shah Alam untuk kelulusan teknikal. (*Lampiran 1*)

4.7.2. Permohonan perlu dimajukan untuk kelulusan;

- a) Dasar
Jawatankuasa Pembangunan Projek IT (JPPIT), Shah Alam
- b) Teknikal (*Spesifikasi, Laporan Analisa, Pembentangan, Pengesahan Ujilari, Rundingan Terus*)
Jawatankuasa Teknikal IT dan Elektronik (JITE), Shah Alam

(a) *Kelulusan dan Pengesahan Spesifikasi Tender (JITE sahaja)*

Peranan	Tugasan
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> a) Mendapatkan contoh spesifikasi daripada JITE Shah (<i>Lampiran 3</i>) b) Jika melibatkan pembangunan sistem, rujuk kepada Pegawai Penyelaras KPT (<i>Liason Officer</i>) di Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Infostruktur UiTM Shah untuk mendapatkan kelulusan JPICT, KPT serta mana-mana kelulusan lain yang berkenaan. c) Membuat pindaan spesifikasi mengikut keperluan sebelum mendapatkan kelulusan JITE d) Penyediaan spesifikasi perisian boleh menyatakan nama perisian yang diperlukan - contoh Adobe CC, Google Sketchup dan sebagainya e) Menghantar spesifikasi berserta katalog / brosur/ kajian pasaran / surat pengedar tunggal / sebutharga syarikat dan lain-lain dokumen kepada JPPIT. Jika permohonan tidak memerlukan pengesahan teknikal, kelulusan akan terus dikeluarkan oleh JPPIT. Jika memerlukan kelulusan teknikal, urusetia JPPIT akan memajukannya ke JITE untuk semakan, pengesahan dan kelulusan. f) Setelah mendapat kelulusan dan pengesahan, pemohon perlu menyediakan dokumen-dokumen perolehan berserta dokumen teknikal yang telah disahkan JITE untuk diserahkan kepada Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari Shah Alam; g) Semua dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dan mestilah mengikut Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeliing semasa yang masih berkuatkuasa. h) Kenalpasti samada ada keperluan untuk lawatan tapak dan taklimat kepada vendor serta tetapkan tarikh bagi taklimat atau lawatan tapak.
Setiausaha	<ul style="list-style-type: none"> a) Menerima dan memastikan semua dokumen yang berkaitan lengkap mengikut proses perolehan Bendahari UiTM dari seketariat JPPIT. b) Sekiranya permohonan belum mendapat kelulusan JPPIT, akan terus dimajukan kepada Urusetia JPPIT <i>(Lampiran 6 - Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pengesahan Spesifikasi Teknikal)</i>
JITE	<ul style="list-style-type: none"> a) Memberikan contoh spesifikasi standard kepada pemohon (<i>Lampiran 2</i>) b) Menyemak spesifikasi peralatan adalah berdasarkan teknologi terkini atau mengikut keperluan. c) Menghubungi pengedar/ prinsipal untuk mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan

	<p>d) Membuat perbincangan bersama pemohon atau mengadakan lawatan tapak sekiranya terdapat perubahan spesifikasi atau jawatankuasa memerlukan penerangan yang lebih jelas.</p> <p>e) Memuktamadkan spesifikasi dan penyediaan dokumen untuk ujilari/ dokumen UAT (<i>Lampiran 6</i>)</p>
Setiausaha	<p>a) Menyediakan surat kelulusan spesifikasi (<i>Lampiran 3</i>)</p> <p>b) Menyediakan spesifikasi teknikal muktamad</p> <p>c) Memastikan Pengerusi JITE Shah Alam menandatangani di setiap mukasurat dokumen spesifikasi teknikal dan juga surat kelulusan</p> <p>d) Mengembalikan semua dokumen berkenaan kepada pemohon</p> <p>e) Menyimpan salinan dokumen.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan pengesahan spesifikasi teknikal TIDAK BOLEH digunakan untuk rundingan terus begitu juga sebaliknya • Penyediaan spesifikasi teknikal hendaklah berdasarkan kepada teknologi terkini yang ada dalam pasaran • Kelulusan pengesahan spesifikasi teknikal hanya sah laku dalam tempoh 1 tahun

(b) *Analisa Dokumen Tender*

Peranan	Tugasan
Pemohon	<p>a) Melantik jawatankuasa analisa tender peringkat PTJ - pastikan pengerusi dan ahli mengisi Surat Akuan Selesai (<i>Lampiran 5</i>)</p> <p>b) Mengambil semua dokumen tawaran tender syarikat dari Pejabat Bendahari Perolehan setelah tender ditutup (<i>hanya dokumen teknikal sahaja jika bukan analisa bersama</i>)</p> <p>c) Mengadakan mesyuarat analisa tender - pastikan keputusan diminitkan (<i>Lampiran 5</i>)</p> <p>d) Membuat laporan analisa teknikal yang mengandungi dokumen (<i>lampiran 5</i>);</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Minit Mesyuarat yang akan ditandatangani dan disahkan oleh Pengerusi JITE (ii) Laporan Analisa Teknikal (iii) Jadual Analisa Teknikal Terperinci (iv) Jadual Ringkasan Analisa Teknikal (v) Maklumat kewangan penilaian, senarai pengalaman - jika analisa bersama <p>e) Memajukan dokumen-dokumen perolehan yang diperlukan seperti dalam para (d) di atas kepada JITE Shah Alam untuk dibentangkan.</p> <p>f) Membuat pembetulan kepada semua dokumen para (d) hasil dari keputusan mesyuarat JITE.</p> <p>g) Setelah diluluskan, pemohon perlu menghantar semula dokumen-dokumen perolehan yang telah disahkan oleh JITE untuk diserahkan kepada Pejabat Bendahari Perolehan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon perlu memastikan (1) Laporan Analisa Teknikal,(2) Jadual Analisa Teknikal Terperinci, telah ditandatangani dan dicop disetiap mukasurat oleh pengerusi JITEN / JITE Shah Alam. • Bagi analisa kategori perolehan perkhidmatan perlu dibuat secara bersama-sama dengan pihak Jawatankuasa Harga. (<i>Lampiran 5</i>)

Setiausaha	Memastikan dokumen-dokumen seperti berikut dihantar untuk pengesahan :- a) Laporan Analisa Teknikal b) Jadual Analisa Teknikal Terperinci c) Jadual Ringkasan Analisa Teknikal d) Dokumen-dokumen tawaran syarikat e) Minit Mesyuarat (Mesyuarat jawatankuasa analisa PTJ) <i>(Lampiran 6 - Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pengesahan Analisa Teknikal)</i>
JITE	a. Menyemak dan membincangkan dokumen-dokumen analisa b. Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, pemohon diminta hadir untuk membentangkan laporan analisa. c. Sekiranya tiada sebarang pindaan, pengesahan akan dibuat
Setiausaha	a) Setelah diputuskan/ sahkan dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal, (i) Menyediakan Minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal IT (JITE Shah Alam) - <i>(Lampiran 5)</i> (ii) Membantu mengemaskini Laporan Analisa Teknikal Jawatankuasa Teknikal IT (JITE Shah Alam) (iii) Membantu mengemaskini Jadual Analisa Teknikal Terperinci (iv) Membantu mengemaskini Jadual Ringkasan Analisa Teknikal (v) Membantu mengemaskini Minit mesyuarat Jawatankuasa Analisa PTJ (vi) Menyediakan surat kelulusan pengesahan Laporan Analisa Teknikal <i>(Lampiran 4)</i> b) Memastikan Pengerusi JITE Shah Alam menandatangani setiap mukasurat dokumen analisa teknikal(a) hingga a(vi) diatas c) Mengembalikan semua dokumen berkenaan kepada pemohon d) Menyimpan salinan dokumen. e) Memastikan pengerusi dan ahli mesyuarat mengisi Surat Akuan Selesai serta Pek Integriti <i>(Lampiran 5)</i>

(c) ***Pembentangan di Lembaga Tender***

Peranan	Tugasan
Pemohon	Pemohon perlu hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan untuk membentangkan laporan analisa yang telah dibuat.
JITEN / JITE	Pengerusi turut hadir untuk membuat pembentangan laporan analisa teknikal bersama pemohon / PTJ.

4.8. Pengesahan Ujilari (*runcit/sebutharga rasmi/tender/rundingan terus*)

Peranan	Tugasan
Pemohon	<p>Setelah pihak vendor / syarikat membuat penghantaran peralatan;</p> <ol style="list-style-type: none"> Memastikan peralatan yang dihantar mengikut spesifikasi yang ditawarkan dengan merujuk kepada dokumen kontrak seperti Dokumen Spesifikasi Tawaran syarikat, Invois, Delivery Order dan lain-lain dokumen berkaitan dan memastikan semua peralatan/perisian yang diterima telah diuji sepenuhnya serta berfungsi dengan baik. Jika peralatan tidak seperti dokumen tawaran syarikat atau terdapat sebarang masalah, pemohon hendaklah menghubungi vendor/ pembekal untuk menyelesaikannya. Setelah pemohon berpuashati dengan penerimaan, menghubungi Jawatankuasa Teknikal (JITE/JITEN) untuk membuat pengesahan ujilari. Pastikan dokumen telah disahkan oleh pegawai-pegawai bertanggungjawab PTJ(Penyedia,Ketua Jabatan dan sebagainya) Setelah mendapat pengesahan (<i>tandatangan pengerusi</i>), pemohon menyerahkan semua dokumen berkaitan kembali kepada Pejabat Bendahari PTJ/kampus negeri masing-masing untuk proses pembayaran.
Setiausaha JITE/JITEN	<p>Menerima dokumen untuk pengesahan ujilari dan dibawa ke mesyuarat. Memastikan semua dokumen adalah lengkap. (<i>Lampiran 6 - Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pengesahan Ujilari</i>)</p>
JITEN / JITE	<ol style="list-style-type: none"> Melaksanakan dan mengesahkan permohonan untuk ujilari merujuk kepada; <ul style="list-style-type: none"> • borang ujilari/UAT (<i>di sediakan oleh JITE/JITEN</i>) • kontrak perjanjian (<i>Untuk semakan terma bayaran</i>) • dokumen tawaran syarikat (<i>Disi syarikat ketika proses bidaan</i>) • dokumen penghantaran oleh syarikat (<i>DO, Invois dsb</i>) • jika melibatkan peralatan, memastikan jumlah item & nombor siri adalah berpadanan dengan dokumen penghantaran • jika melibatkan perisian, pastikan bukti ketulenan (<i>sijil ketulenan/genuinity</i>) disertakan • surat kelulusan pertukaran model (<i>jika ada pertukaran model</i>) • mengambil gambar peralatan atau snapshot skrin atau apa-apa output dari peralatan/perisian tersebut. Jika terdapat masalah dalam semakan dan jawatankuasa tidak bersetuju dengan keadaan fizikal peralatan atau dari segi dokumen syarikat, jawatankuasa berhak menangguhkan kelulusan pengesahan sehingga pihak pemohon/ PTJ menyelesaikan semua masalah dengan vendor/pembekal Hasil semakan perlu di bawa masuk kembali ke dalam mesyuarat JITE/ JITEN untuk disahkan dan diminitkan samada pengesahan berjaya atau gagal. Pengesahan ujilari hanya melibatkan jawatankuasa dan pemohon/PTJ sahaja dan tidak perlu melibatkan vendor
Pengerusi	Menandatangani dokumen dan semua dokumen yang berkaitan
Setiausaha	Menyimpan salinan dokumen dan meminitkan serta mengesahkan hasil ujilari ke dalam mesyuarat JITE/JITEN

4.9. Pengesahan Pertukaran Model

Peranan	Tugasan
Pemohon	<p>a) Memajukan permohonan vendor/syarikat pembekal kepada pejabat Bendahari Perolehan dengan menyertakan maklumat/dokumen berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sebab pertukaran ii) Perbezaan antara model lama dan baru (dalam bentuk jadual) berdasarkan dokumen Tawaran Syarikat iii) Pertambahan kos yang terlibat jika ada iv) Broser / katalog berkaitan v) Lain-lain dokumen sokongan seperti surat dari Prinsipal menyatakan model yang telah tamat jangkahayat (<i>End of Live</i>) <p>b) Setelah mendapat pengesahan dari JITE/JITEN, memajukan surat pengesahan berserta dokumen berkaitan ke Bahagian Perolehan untuk di bawa ke mesyuarat Jawatankuasa Harga atau Lembaga Tender UiTM. Kelulusan muktamad adalah tertakluk kepada keputusan emsyuarat ini.</p> <p>c) Bersama-sama Pengerusi JITE/JITEN untuk memberi penerangan kepada Jawatankuasa Sebutharga atau Lembaga Tender</p>
Setiausaha	Menerima dokumen permohonan dari pejabat Bendahari Perolehan (<i>Lampiran 6 - Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pertukaran Model</i>)
JITEN/JITE	Menyemak dan mengesahkan permohonan untuk pertukaran model.
Setiausaha	<p>a. Menyediakan surat kelulusan pengesahan Pertukaran Model berserta dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan dan menghantar kembali kepada pejabat Bendahari - tandatangan oleh Pengerusi JITE</p> <p>b. Menyimpan salinan dokumen</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertukaran model hanya dibenarkan untuk jenama yang sama sahaja

4.10. Kelulusan dan Pengesahan Rundingan Terus (*semua nilai*)

Peranan	Tugasan
Pemohon	<p>a. Setelah mendapatkan kelulusan peruntukan kewangan dan kelulusan JPPIT (<i>jika berkenaan</i>) mendapatkan dokumen berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sebutharga Rasmi dari Pengedar tunggal (i) Surat Pengesahan sebagai Pengedar Tunggal dari Prinsipal (ii) Sijil-sijil berkaitan (MOF, Bumiputera, SSM dll.) (iii) Katalog/Brosur (iv) Kertas kerja/dokumen sokongan untuk rundingan terus (v) Borang-borang bendahari perolehan berkaitan rundingan Terus(sila rujuk bendahari) <p>b. Kelulusan perolehan secara rundingan terus hanya dibenarkan untuk perolehan PERISIAN sahaja dan dari syarikat yang berstatus Pengedar/Wakil Penjual Tunggal (Sole Distubutor/Reseller) (rujuk</p>

	<p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/2011)</p> <p>c. Memajukan dokumen a(i)-a(v) diataske JITE Shah Alam/JITEN untuk semakan dan pengesahan.</p> <p>d. Setelah mendapat kelulusan dan pengesahan, memajukan semua dokumen-dokumen berkenaan yang diperlukan untuk diserahkan kepada Pejabat Bendahari PTJ/kampus negeri untuk proses seterusnya(akan diuruskan oleh Bendahari Perolehan)</p> <p>e. Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan mestilah mengikut Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuatkuasa.</p> <p>f. Setelelah mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan (<i>Diuruskan oleh Bendahari</i>), mendapatkan tentatif tarikh mesyuarat Rundingan Harga dengan vendor/Prinsipal.</p> <p>g. Bersama-sama pengerusi JITE/JITEN membuat rundingan harga dan menandatangani minit mesyuarat rundingan harga tersebut.</p>
Setiausaha	<p>Menerima dan memastikan semua dokumen yang berkaitan lengkap mengikut proses perolehan Bendahari UiTM. (<i>Lampiran 6 - Senarai Semak Permohonan Kelulusan Rundingan Terus</i>)</p>
JITEN / JITE	<p>Pengesahan Rundingan Terus;</p> <p>(i) Memastikan Surat Pengesahan Pengedar Tunggal masih sahlaku –hubungi prinsipal atau syarikat induk untuk pengesahan</p> <p>(ii) Menyemak perincian tawaran dalam sebutharga syarikat (nama software, version, bilangan lesen, harga, jenis lesen, modul-modul / ciri-ciri (<i>features</i>) / latihan (TOT) serta memastikan tawaran sebutharga adalah berdasarkan teknologi terkini atau mengikut keperluan pengguna.</p> <p>(iii) Memaklumkan pemohon untuk menghubungi syarikat/prinsipal sekiranya terdapat kemusykilan tawaran</p> <p>(iv) Memuktamadkan kelulusan teknikal tawaran rundingan harga</p> <p>(v) Menyediakan dokumen untuk pengesahan ujilari/ dokumen UAT</p>
Setiausaha	<p>Setelah diputuskan/ disahkan dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal;</p> <p>(i) Menyediakan surat kelulusan tawaran rundingan terus (Lampiran 3)</p> <p>(ii) Memastikan Pengerusi menandatangani setiap dokumen yang dikemukakan pemohon.</p> <p>(iii) Mengembalikan semua dokumen berkenaan kepada pemohon</p> <p>(iv) Menyimpan salinan dokumen dan menghantar laporan berserta semua salinan dokumen berkaitan ke JITE Shah Alam (bagi kampus negeri) mengikut jadual.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan pengesahan spesifikasi teknikal TIDAK BOLEH digunakan untuk rundingan terus begitu juga sebaliknya • Kelulusan pengesahan spesifikasi teknikal/ rundingan terus hanya sahlaku dalam tempoh 1 tahun

4.11. Perolehan peralatan makmal yang mengandungi komponen ICT / *minor ICT* (sebarang nilai)

- 4.11.1. Perolehan peralatan makmal atau bengkel yang mengandungi komponen ICT/ minor ICT (**sebarang nilai**) adalah juga berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari UiTM, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi serta mana-mana peraturan dan pekeling semasa yang masih berkuatkuasa. Pengesahan spesifikasi teknikal (*ditandatangani dan cop pengerusi*) sebelum proses perolehan dimajukan ke Pejabat Bendahari. (*Lampiran 1*)
 - 4.11.2. Nilain yang diambilkira adalah nilai kelulusan **keseluruhan** peralatan makmal dan bukan hanya komponen ICT.
 - 4.11.3. Pemohonan yang mengandungi komponen ICT perlu dimajukan ke JITE/JITEN untuk semakan dan pengesahan samada komponen IT adalah berasingan atau terbina dalam (*embedded*).
 - 4.11.4. Setelah disemak, pengesahan teknikal (*spesifikasi yang ditandatangani pengerusi dan surat kelulusan*) akan dikeluarkan oleh JITE/JITEN dan diserahkan kepada pemohon untuk dimajukan kepada pihak Bendahari Perolehan.
 - 4.11.5. Pemohon perlu meminda dokumen spesifikasi teknikal peralatan berkenaan dengan mengeluarkan/menghapuskan sebarang spesifikasi berkaitan ICT yang terdapat dalam spesifikasi peralatan makmal/bengkel setelah disahkan oleh JITE/JITEN sekiranya bukan peralatan *embedded*. Kelulusan JPPIT tidak diperlukan.
 - 4.11.6. Adalah digalakan analisa komponen ICT boleh dilakukan bersama ahli/wakil JITE dalam mesyuarat analisa jawatankuasa peralatan makmal/ saintifik. Dokumen analisa komponen ICT sahaja perlu dimajukan ke JITE untuk pengesahan.
 - 4.11.7. Adalah digalakan analisis komponen ICT boleh dilakukan bersama ahli/wakil jawatankuasa teknikal dalam mesyuarat analisa jawatankuasa peralatan makmal/saintifik. Dokumen analisa komponen ICT sahaja perlu dimajukan ke JITE untuk pengesahan. Dokumen analisa peralatan makmal/bengkel perlu disahkan oleh jawatankuasa peralatan saintik/makmal PTJ masing
 - 4.11.8. Walaubagaimanapun, sekiranya peralatan makmal tersebut merupakan peralatan ICT sepenuhnya tetapi dikategorikan sebagai peralatan makmal sebagai contoh workstation atau perisian khusus seperti **Mathlab**, **Synopsis**, dan sebagainya maka kelulusan jawatankuasa teknikal ICT (JITE) sepenuhnya adalah diperlukan dan perlu juga dimajukan ke JPPIT (jika tender).
- **Semua tandatangan pengerusi mestilah menggunakan pen berdakwat hitam. (Tidak dibenarkan untuk menggunakan cop tandatangan)**

4.12. Penggantian Peralatan ICT Yang Hilang

- 4.12.1. Laporan ini perlu dikeluarkan oleh jawatankuasa sekiranya mana-mana pegawai yang telah dikenakan tindakan surcaj atau penggantian oleh Bahagian Integriti, Lembaga Pengarah UiTM atau mana-mana badan yang menjatuhkan hukuman tatatertib kepada penama.
- 4.12.2. Laporan akan dikeluarkan untuk pengesahan spesifikasi teknikal yang perlu digantikan oleh penama. Perlu membuat perbandingan antara spesifikasi asal dan spesifikasi baru/gantian(*Lampiran 1*)
- 4.12.3. Laporan juga perlu diminitkan dan disahkan dalam mesyuarat JITE/JITEN.

4.13. Penyediaan Dokumen Kontrak Perjanjian

- 4.13.1. Penyediaan dokumen kontrak perlu disediakan oleh pemohon dengan merujuk kepada Bahagian Perolehan selepas penerimaan Surat Setuju Terima (SST) daripada syarikat yang dipilih oleh Lembaga Tender UiTM atau Mesyuarat Sebutharga. Walaupun ini tidak termasuk dalam bidang kuasa JITE/ JITEN, sebagai panduan berikut adalah terma-terma pembayaran biasa yang digunakan dalam penyediaan dokumen kontrak perjanjian dan perlu diambil perhatian terutamanya ketika pihak jawatankuasa diminta untuk membuat pengesahan ujilari dalam dokumen penerimaan barang oleh PTJ.

Terma-terma bayaran (secara umum)

- i) Bayaran Pertama : **30 %** dari nilai kontrak selepas pembekalan, pemasangan peralatan komputer selesai dibekalkan atau diserahkan sepenuhnya oleh syarikat/pembekal/kontraktor.
 - ii) Bayaran Kedua : **30 %** dari nilai kontrak selepas ujilari (Commissioning) dibuat dengan jayanya oleh syarikat/pembekal/kontraktor
 - iii) Bayaran Ketiga : Bayaran terakhir sebanyak **40 %** dari nilai kontrak akan dilaksanakan empat(4) bulan selepas ujilari (Commissioning) dibuat dengan jayanya oleh syarikat/pembekal/kontraktor seperti (ii) diatas
- 3.13.2. Bagi kegunaan pihak jawatankuasa, pengesahan ujilari perlu merujuk kepada terma bayaran seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen kontrak.
 - 3.13.3. Bagi setiap tuntutan bayaran, PTJ perlu memastikan telah melaksanakan ujilari peringkat PTJ terlebih dahulu dan hanya memajukan kepada JITE/JITEN setelah berpuas hati dengannya. Pengesahan ujilari adalah diperlukan untuk setiap tuntutan tersebut.
 - 3.13.4. Sila berhubung dengan Bahagian Perancangan Strategik IT, Jabatan Infostruktur, UiTM Shah Alam untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kaedah penyediaan dokumen kontrak perjanjian.

50 PELAN PERALIHAN

- 5.1 Kampus-kampus yang tidak berkemampuan untuk membentuk jawatankuasa dengan sempurna disebabkan kekangan seperti kekurangan kakitangan, kepakaran dan sebagainya adalah dicadangkan;
- a) Menggunakan khidmat kampus negeri yang terdekat - menjemput jawatankuasa yang mempunyai kepakaran untuk sama-sama terlibat dalam proses perolehan ICT.
 - b) Menggunakan khidmat JITE dengan mengemukakan permohonan terus ke Shah Alam.
- 5.2 Beberapa siri penerangan, bengkel, latihan dan sesi juga pemindahan kepakaran akan dilaksanakan secara berkala sepanjang proses peralihan jawatankuasa. Ini bagi memastikan jawatankuasa baru bersedia dan mampu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan berkesan. Maklumat terperinci mengenai bengkel akan dimaklumkan kemudian.
- 6.2 Adalah sentiasa dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa deposit/cagaran yang dirujukkan di Kalusa-kecil 6.1 di atas akan dikembalikan kepada Kontraktor atau dibatalkan tanpa apa-apa faedah selepas dua belas (12) bulan sesudah Perjanjian ini ditamatkan atau selepas tamatnya tempoh jaminan bank atau tempoh-tempoh perlanjutan yang diminta seperti yang dinyatakan di dalam syarat-syarat jaminan bank ditamatkan dengan memuaskan dan tertakluk kepada potongan yang dibuat oleh UiTM mengikut peruntukan dalam perjanjian ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat perjanjian ini yang dilakukan oleh Kontraktor di bawah perjanjian ini.

7.0 CONTOH-CONTOH BARANG

Apabila diminta oleh UiTM atau wakilnya, Kontraktor hendaklah tanpa mengenakan apa-apa bayaran memberi contoh bagi barang-barang yang akan dibekalkan untuk diuji atau dicerakinkan. Selepas diuji atau dicerakinkan contoh tersebut boleh disimpan oleh UiTM.

8.0 PEMERIKSAAN

Kontraktor mestilah juga membenarkan mana-mana pegawai atau wakil yang diberi kuasa oleh UiTM untuk bebas masuk ke tempat-tempat di mana barang-barang tersebut sedang diperkilangkan atau disimpan bagi maksud pemeriksaan.

9.0 BUNGKUSAN

Barang-barang yang dibekalkan oleh Kontraktor hendaklah dibungkus dengan sempurna dan dicop dengan hak UiTM. Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh bungkusan-bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Kontraktor atas perbelanjaan Kontraktor sendiri.

10.0 PESANAN

- 10.1 Pesanan-pesanan bagi barang-barang di bawah Perjanjian ini akan dibuat oleh UiTM terus kepada Kontraktor. Setiap pesanan oleh UiTM akan dibuat secara rasmi dengan menggunakan Borang Pesanan Jabatan Rasmi UiTM.
- 10.2 UiTM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa pesanan yang dibuat selain dari cara yang dirujuk di atas.
- 10.3 Bagi pesanan-pesanan yang dibuat oleh UiTM dalam masa tempoh Perjanjian ini tetapi penyerahan diterima selepas dari tempoh tersebut, Kontraktor adalah terikat dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sedia ada dalam Perjanjian ini.

11.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 11.1 Penghantaran barang-barang hendaklah dibuat kepada
..... dengan secepat mungkin, tidak lewat daripada tempoh serahan yang dinyatakan daripada tarikh Pesanan Jabatan dikeluarkan.
- 11.2 Bagi urusan perolehan barangan tempatan syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi secara keseluruhannya :
 - 11.2.1 Barang-barang yang dibungkus dan diikat dengan sempurnanya hendaklah diserahkan mengikut tempoh penyerahan di bawah Perjanjian ini.
 - 11.2.2 Kontraktor hendaklah menyerahkan barang-barang mengikut mana yang berkenaan sehingga memuaskan UiTM di tempat atau tempat-tempat dan waktu seperti yang ditentukan di dalam Borang Pesanan Jabatan Rasmi UiTM atau menurut Perjanjian ini.

11.2.3 Kontraktor hendaklah pada setiap kali penyerahan barang atau barang-barang memberi satu perakuan bertulis bahawa barang/barang-barang yang dibekalkan adalah tidak kurang mutu mengikut spesifikasi atau contoh seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini. (Perakuan hendaklah dibuat di atas Pesanan Jabatan Asal).

11.2.4 Kontraktor hendaklah membawa bersama Borang Pesanan Jabatan Rasmi UiTM dan Borang Penghantaran barang syarikat semasa membuat penyerahan barang-barang tersebut kepada UiTM.

Kedua-dua dokumen ini akan diserahkan kepada Pegawai yang diberi kuasa oleh UiTM untuk menerima bekalan-bekalan seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini.

11.2.5 Kontraktor hendaklah melabelkan pada tiap-tiap bungkusan barang-barang tersebut yang hendak diserahkan kepada UiTM.

11.3 Bagi urusan perolehan barangan import UiTM syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi.

11.3.1 Pihak Kontraktor diminta memastikan agar syarat-syarat yang dinyatakan di Lampiran Keterangan Barangan Import di dalam Dokumen Tawaran adalah sentiasa betul dan tepat bagi membolehkan pihak UiTM menguruskan perlantikan agen pengangkutan.

11.3.2 Jika didapati keterangan yang diberi tidak tepat yang menyebabkan pertambahan kos yang mana dipastikan kesilapannya adalah dari pihak Kontraktor, pihak UiTM dengan ini mengenakan pertambahan kos kepada Kontraktor maka Kontraktor hendaklah menanggung sepenuhnya penambahan kos yang terlibat.

11.3.3 Jika segala syarat berhubung dengan barangan import yang dikehendaki tidak ditepati, pihak UiTM berhak mengenakan denda atau melapurkannya ke Kementerian Kewangan.

11.3.4 Pihak Kontraktor adalah diingatkan bahawa segala **urusan pembelian barangan impot ini hendaklah secara FOB/CIF (mana yang berkenaan)** melainkan ada arahan perubahan pembelian dari pihak UiTM.

2.0 PENERIMAAN ADALAH BERSYARAT

12.1 Walaupun barang-barang telah diterima, UiTM adalah sentiasa berhak menghantar contoh-contoh barang itu untuk diuji dan menolak semua penerimaan barang-barang jika barang-barang tersebut tidak mengikut kualiti contoh atau spesifikasi yang ditentukan di dalam Perjanjian ini.

13.0 HAK UiTM APABILA BARANG ROSAK ATAU RENDAH KUALITINYA

Bagi satu-satu pesanan jika Kontraktor telah menyerahkan barang-barang yang rosak atau rendah kualiti dari contoh atau penentuan-penentuan dalam Jadual atau Jadual-jadual/Pesanan Jabatan UiTM, UiTM berhak:-

- 13.1 Menolak barang-barang berkenaan dan menamatkan Perjanjian ini dan deposit cagaran dilelepkan oleh UiTM; atau
- 13.2 Menolak barang-barang berkenaan yang mana hendaklah diganti dan diserahkan oleh Kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan oleh UiTM dari masa ke semasa selepas barang-barang tersebut ditolak. Jika penggantian barang-barang itu tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan UiTM boleh membeli barang yang dikehendaki itu atau barang-barang jenis lain dari punca-punca lain, dengan syarat sentiasa bahawa:-
 - i) Jika kos bagi memperolehi barang-barang itu dari punca-punca lain melebihi harga dalam Jadual Perjanjian ini, Kontraktor boleh dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UiTM atau 5% dari nilai pesanan asal sebagai pampasan kepada UiTM mengikut mana yang lebih tinggi.
 - ii) Jika kos memperolehi barang-barang itu kurang dari harga dalam jadual bersama perjanjian ini, Kontraktor dikehendaki membayar 5% dari nilai pesanan asal sebagai pampasan kepada UiTM.
- 13.3 Bagi satu-satu pesanan jika Kontraktor telah menyerahkan barang-barang yang rosak atau yang rendah kualitinya kepada UiTM dan UiTM tidak mungkin menolak barang-barang itu oleh sebab telah dipakai atau digunakan sebelum diketahui rosak atau rendah kualitinya atau oleh sebab-sebab lain yang munasabah, UiTM boleh mengenakan denda lain yang munasabah, UiTM boleh mengenakan denda sebanyak 40% dari jumlah harga asal bagi pesanan tersebut atau nilai barang-barang yang dipesan/diterima itu.

14.0 HAK UiTM APABILA BARANG TIDAK DISERAHKAN

- 14.1 Bagi hal barang-barang yang tidak diserahkan oleh Kontraktor selepas pesanan dibuat, UiTM boleh menamatkan Perjanjian ini dengan member empat belas (14) hari notis kepada Kontraktor dan deposit cagaran akan dilelapkan.
- 14.2 Sekiranya Kontraktor gagal membekal barang-barang yang dipesan pada masa yang ditetapkan, UiTM berhak mendapatkan lain jenis barang dari punca-punca lain pada masa tersebut dan Kontraktor bertanggungjawab membayar:-
- i) Jika kos bagi memperolehi barang-barang itu dari punca-punca lain melebihi harga dalam Jadual bersama Perjanjian ini, Kontraktor boleh dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UiTM atau 5% dari nilai pasaran asal mengikut mana yang lebih tinggi.
 - ii) Jika kos memperolehi barang-barang itu kurang dari harga dalam Jadual bersama Perjanjian ini, Kontraktor dikehendaki membayar 5% dari nilai pesanan asal sebagai pampasan kepada UiTM.
- 14.3 Sekiranya Kontraktor gagal membekal bekalan yang dipesan dan menggantikan dengan lain bekalan yang lebih murah dari kontrak yang sama, Kontraktor dikehendaki membayar perbezaan harga bekalan tersebut kepada UiTM.

15.0 HAK UiTM APABILA BARANG LEWAT DISERAHKAN

Jika barang-barang lewat diserahkan oleh Kontraktor, UiTM boleh sama ada :-

- 15.1 menolak barang-barang itu dan menamatkan Perjanjian ini dan oleh itu deposit cagaran akan dilelapkan, atau
- 15.2 UiTM berhak mendapatkan lain jenis barang dari punca-punca lain dan Kontraktor bertanggungjawab membayar :-
- i) Jika kos memperolehi barang-barang itu dari punca-punca lain melebihi harga dalam Perjanjian ini, Kontraktor boleh dikehendaki membayar jumlah yang lebih itu sebagai pampasan kepada UiTM atau 5% dari nilai pesanan asal mengikut mana yang lebih tinggi.

- ii) Jika kos bagi memperolehi barang-barang itu kurang dari harga dalam jadual bersama Perjanjian ini, Kontraktor dikehendaki membayar 5% dari nilai pesanan asal sebagai pampasan kepada UiTM.

15.3 Denda sebanyak 5% daripada nilai barang yang dipesan akan dikenakan jika kelewatan itu melebihi 1 hari daripada tempoh penyerahan dan penambahan 1% bagi tiap-tiap hari kelewatan bagi bekalan barang-barang mengikut mana yang berkenaan, **sehingga nilai maksimum barang yang dipesan.**

DAN

UiTM berhak menolak barang-barang yang lewat diserahkan oleh Kontraktor.

16.0 HAK UiTM MEMBELI DI LUAR KONTRAK BAGI MAKSUD-MAKSUD PERCUBAAN ATAU KEPERLUAN TERTENTU

UiTM adalah berhak membeli barang-barang yang serupa jenisnya dengan barang-barang di bawah Perjanjian ini dari pihak lain selain daripada Kontraktor.

17.0 PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

17.1 Jika dalam tempoh Perjanjian ini, terjadi sebarang perubahan pada mana-mana kadar duti kastam dan cukai yang berkuatkuasa, harga kontrak di atas permohonan oleh mana-mana pihak disesuaikan mengikut perubahan pada mana-mana kadar duti kastam, eksais dan cukai berkuatkuasa tersebut.

17.2 Tiada tambahan atau kekurangan pada harga kontrak boleh dibuat mengenai barang-barang yang telahpun diserahkan sebelum tarikh permohonan oleh mana-mana pihak untuk penyelarasan dalam harga kontrak.

18.0 KENAIKAN HARGA

Kontraktor tidak dibenarkan membuat permohonan untuk kenaikan harga dalam tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa kecuali dengan sebab-sebab yang dinyatakan di bawah Klausa-kecil 17.1 dalam Perjanjian ini.

19.0 PERUBAHAN PENENTUAN CORAK ATAU SPESIFIKASI

- 19.1 UiTM di dalam tempoh berkuatkuasa Perjanjian ini boleh mengkaji dan jika perlu, dengan persetujuan Kontraktor mengubah dari masa ke semasa penentuan corak atau spesifikasi yang terkandung di dalam Jadual atau Jadual-jadual yang menjadi sebahagian dari Perjanjian ini. Mulai dari tarikh itu semua barang yang dibekalkan mestilah mengikut penentuan corak atau spesifikasi yang diubah itu tertakluk kepada tidak berlakunya perubahan dari segi harga kontrak.
- 19.2 Jika sekiranya sesuatu perubahan ini menyebabkan perubahan tentang belanja bagi pengeluaran atau tentang belanja yang dikehendaki bagi pengeluaran maka harga kontrak dan masa penyerahan bagi barang-barang yang terlibat oleh perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak.
- 19.3 Apa-apa perubahan kepada masa atau masa-masa penyerahan, akibat dari perubahan penentuan corak atau spesifikasi itu akan diubah sewajarnya dengan persetujuan kedua-dua pihak.

20.0 GANTIRUGI (PAMPASAN)

- 20.1 Kontraktor hendaklah memberi gantirugi kepada UiTM daripada dan terhadap segala bayaran, tuntutan, belanja, ganti rosak, tanggungan, kerugian dan percabaran yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas UiTM sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung dari pelanggaran Perjanjian ini oleh Kontraktor. Jika bilangan Kontraktor itu dua atau lebih dari dua orang, maka tanggungan bagi mereka itu di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai bersama dan masing-masing.
- 20.2 Kontraktor hendaklah memberi gantirugi kepada UiTM terhadap apa-apa juga tindakan tentang pelanggaran Surat Jaminan Hak atau Reka Bentuk Berdaftar (yang disiarkan pada tarikh kontrak) ini kerana mengguna atau menjual mana-mana juga barang-barang atau bahan yang dibekalkan oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini dan terhadap segala belanja dan

gantirosak yang UiTM mungkin lakukan dalam sesuatu tindakan kerana pelanggaran itu atau yang UiTM mungkin bertanggungjawab dalam sesuatu tindakan itu dengan syarat sentiasa gantirugi itu tidaklah dikenakan kepada apa-apa juga pelanggaran yang disebabkan oleh Kontraktor telah menurut penentuan atau arahan yang diberikan oleh UiTM.

21.0 IKLAN

Iklan-iklan mengenai Perjanjian ini tidaklah boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media masa tanpa kelulusan dari UiTM.

22.0 PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL

Kontraktor tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis UiTM.

23.0 PEMBERIAN MILIK

Kontraktor tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis UiTM.

24.0 BURUH

Dalam hal ini di mana barang-barang atau Bahagian barang-barang diperkilangkan/dikeluarkan dalam Malaysia, Kontraktor dan kesemua kontraktor kecil adalah dikehendaki mengambil pekerja hanya Warganegara Malaysia. Dalam hal-hal demikian Kontraktor mungkin dikehendaki mengemukakan penyata-penyata berkenaan dengan pekerja-pekerja yang diambil bekerja olehnya dan oleh Kontraktor kecilnya, pada melaksanakan kontrak-kontrak UiTM sebagaimana yang mungkin diminta dari semasa ke semasa oleh Jabatan Buruh bagi negeri di mana Perjanjian ini sedang ditunaikan dan jika sekiranya ia dikenakan penalti dengan dibatalkan pendaftarannya sebagai seorang Kontraktor UiTM.

25.0 LATIHAN

Kontraktor bersetuju jika perlu memberi latihan kepada pelatih/perintis UiTM. Tempat, jangka masa, lama mana dan perkara yang berkaitan akan dipersetujui di antara UiTM dan Kontraktor.

26.0 FORCE MAJORE

Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan berikut iaitu rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan perjanjian ini, perjanjian ini adalah ditamatkan dengan persetujuan kedua pihak.

27.0 PENAMATAN PERJANJIAN

UiTM boleh memberi notis bertulis kepada Kontraktor menamatkan Perjanjian ini jika:

- 27.1 Representasi dan waranti yang diberikan oleh Kontraktor dalam Perjanjian ini didapati tidak benar.
- 27.2 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini atau;
- 27.3 Kontraktor itu sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor itu adalah suatu firma, mana-mana perkongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bangkrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau penyerah hak bagi faedah sipiutang atau jika

kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu keterangan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang siputang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang siputang melantik seseorang penerimaan atau mengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulangan atau;

27.4 UiTM mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor melakukan perbuatan rasuah dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak UiTM untuk mendapatkan balik ganti rosak dan lain-lain hak yang sedia ada.

27.5 UiTM boleh menamatkan kontrak di bawah Klausula ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada yang tersebut di bawah Klausula-kecil 27.1 hingga Klausula-kecil 27.4 di atas.

28.0 CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN

28.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan cara notis bertulis tidak kurang dari tiga (3) bulan dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.

28.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, UiTM adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat UiTM perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor tidak memuaskan DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari dua puluh empat (24) jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

29.0 KELELAPAN DEPOSIT

Dalam hal di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini di mana UiTM menamatkan Perjanjian ini menurut perenggan 27.0 Perjanjian ini, UiTM berhak melelapkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh kontraktor menurut perjanjian ini berserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Jaminan Bank atau Bon Pelaksanaan, gantirugi atau kerugian yang telah dialami oleh UiTM akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak UiTM untuk melelapkan deposit dan menuntut gantirugi di bawah Jaminan Bank atau Bon Pelaksanaan tersebut tidak akan menyekat UiTM untuk menuntut kerugian atau gantirugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

30.0 NOTIS

Notis-notis yang hendak diserahkan kepada kontraktor memadailah sekiranya di alamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada UiTM memadailah sekiranya di alamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan telah diserahkan pada masa yang sepatutnya di hantar ke tempat yang dialamatkan itu.

31.0 MASA

Di mana-mana dalam Perjanjian ini, masa adalah merupakan syarat utama dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

32.0 DUTI SETEM DAN KOS

Duti setem dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

33.0 UNDANG-UNDANG

Perjanjian-perjanjian ini hendaklah ditaksirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

34.0 PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

Pengangkutan barang-barang luar Negara hendaklah :

- i) menggunakan agen-agen yang dilantik oleh UiTM.
- ii) Agen-agen yang mempunyai perjanjian dengan UiTM adalah sama seperti agen-agen yang dilantik oleh Kementerian Kewangan dan
- iii) Kontraktor-kontraktor hendaklah memastikan dokumen-dokumen keterangan barangan import seperti dinyatakan di Klausula-kecil 11.2 adalah sentiasa betul dan tepat bagi urusan pengeluaran arahan-arahan perkapalan kepada agen-agen penghantaran yang telah dilantik.

35.0 SYARIKAT PENGHANTARAN

Semua pengangkutan barang-barang hendaklah dibuat oleh syarikat-syarikat yang dilantik oleh pihak UiTM sahaja.

36.0 PINDAAN-PINDAAN

Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

37.0 TIMBANGTARA

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara UiTM dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau berkuatkuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan

pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara UiTM dengan Kontraktor, dirujuk kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh UiTM dan seorang lagi oleh Kontraktor, dan aturcara timbangtara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 1952.

38.0 PEMBERIAN TIDAK JUJUR DAN PEMBAYARAN KOMISYEN/ PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 38.1 Pihak Kontraktor adalah dilarang dari membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi mana-mana pegawai UiTM apa-apa sebarang bentuk balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkait rapat dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan UiTM.
- 38.2 Jika didapati berlakunya pelanggaran syarat ini oleh pihak Kontraktor, ejen atau pekerja-pekerjanya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor) berhubung dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan UiTM sehingga terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**, maka pihak UiTM sentiasa mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan apa-apa gantirugi dari Kontraktor yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.
- 38.3 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.
- 38.4 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.
- 38.5 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.
- 38.6 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi ditetapkan atau tiada

perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

**39.0 PENAMATAN DISEBABKAN RASUAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAH
UNDANG-UNDANG.**

- 39.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain UiTM, jika Kontraktor, kakitangan, pengkhidmat atau pekerja Kontraktor disabitkan oleh mahkamah untuk rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang berhubung perjanjian ini atau mana-mana perjanjian yang telah wujud di antara Kontraktor dan UiTM, UiTM berhak menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis bagi tujuan tersebut kepada Kontraktor.
- 39.2 UiTM berhak mendapat apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang telah ditanggung oleh UiTM akibat penamatan tersebut.
- 39.3 Bagi mengelakkan kekeliruan, Pihak-pihak di sini telah bersetuju bahawa Kontraktor tidak akan berhak kepada apa-apa kerugian, kerosakan, tuntutan atau apa-apa pun di atas penamatan perjanjian ini.

..... Kosongkan

MAKA ADALAH DIPERSAKSIKAN, kedua-dua pihak Perjanjian ini menurunkan di sini dan di bawah ini tandatangan masing-masing pada hari dan tarikh seperti yang tercatat di atas.

Ditandatangani bagi pihak UiTM oleh :-

Nama :
(Tandatangan)

Cop Rasmi Jawatan :

Dihadapan saksi :-

Nama :
(Tandatangan)

Cop Rasmi Jawatan :

Ditandatangani bagi pihak Kontraktor oleh :-

Nama :
(Tandatangan)

No. Kad Pengenalan :

Cop Rasmi Jawatan :

Cop Rasmi Syarikat :

Dihadapan saksi :-

Nama :

(Tandatangan)

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

.....

Contoh Surat Setuju Terima

Bahagian Pengurusan Perolehan
Unit Proses & Penguatkuasaan Sebut Harga
Tel: (+603) 5544 3453 / 3345 / 3335 / 3336
Faks: (+603) 5544 3321

Pejabat Bendahari
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2277 / 3310 Faks: (+603) 5544 3302
E-mel: bendahari@salam.uitm.edu.my



Surat Kami : 300-BBI(PER/UPSH/8/5/3/30/16)
Tarikh : 2/ hb. Disember 2016

-SURAT SETUJU TERIMA- UNTUK DIKEMBALIKAN



Tel: [Redacted]
Fax: [Redacted]



Tuan/Puan,

NO. SEBUT HARGA : [Redacted]
**CADANGAN KONTRAK PENYELENGGARAAN PERALATAN SISTEM RANGKAIAN
UITM SHAH ALAM.**

Merujuk kepada sebut harga tuan untuk pembekalan/perkhidmatan yang tersebut di atas sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Sebut Harga UiTM, Shah Alam melalui **Mesyuarat Bil. 311 bertarikh 15hb. Disember 2016** telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tuan dengan nilai kontrak [Redacted]

[Redacted] Butir-butir terperinci tawaran adalah seperti di Jadual Ringkasan Harga.

2. Dengan penerimaan tawaran sebut harga tuan oleh pihak UiTM, maka suatu ikatan kontrak terwujud di antara tuan dengan UiTM. Tawaran sebut harga tuan berserta Surat Setuju Terima ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak pengikat yang sah di antara tuan dan UiTM.

3. Tempoh kuatkuasa kontrak adalah selama **12 bulan mulai dari 1hb. Januari 2017 hingga 31hb. Disember 2017**. Penghantaran bekalan peralatan / bahan atau perkhidmatan hendaklah dilaksanakan kepada UiTM dengan dengan secepat mungkin tidak lewat dari **4 hingga 6 minggu dari tarikh Pesanan Tempatan UiTM** dikeluarkan.

4. Tuan juga adalah dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk **Bank Deraf atas nama BENDAHARI UiTM / Jaminan Bank / Jaminan Insurans** yang berjumlah [Redacted] yang merupakan [Redacted] (Dua Perpuluhan Lima Peratus) dari jumlah tawaran harga kontrak setahun. Bon Pelaksanaan tersebut mestilah sah / berkuatkuasa mulai **1hb. Januari 2017 hingga 31hb. Disember 2018** iaitu tambahan **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat kontrak atau selepas pegiligi terakhir, mengikut mana yang terkemudian seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan 1PP;P.K 4.



• Bendahari (2277) • Ketua Timbalan Bendahari Bahagian Perolehan (3320) • Ketua Timbalan Bendahari Bahagian Perancangan & Belanjawan (3330) • Penolong Bendahari Pengurusan Akaun (3308) • Timbalan Bendahari Bahagian Caji & Ketiuduhan Staf (3318) • Timbalan Bendahari Kanan Akaun Pelajar (3340) • Penolong Bendahari Kanan Kewangan Pendaftar (3365) • Timbalan Bendahari Akaun Amanah (3312) • Timbalan Bendahari Kanan Unit Kewangan Korporat (3431) • Penolong Bendahari Kewangan HEIP (3371) • Timbalan Bendahari Kanan Pembanzunan (3383) • Penolong Bendahari Kewangan Canselori (3423) • Pegawai Eksekutif (3310)

5. **Unit Kewangan Zon 6, Pejabat Bendahari, UiTM Shah Alam** akan mengeluarkan Pesanan Tempatan kepada tuan setelah pihak tuan mengemukakan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 6** surat ini. Pihak UiTM berhak membeli kurang dari jumlah keseluruhan tawaran dalam tempoh kontrak berkuatkuasa.

6. Sekiranya tuan bersetuju menerima tawaran ini, sila kembalikan dokumen-dokumen seperti di bawah **dengan kadar segera** sebelum atau pada...**5 hb. Januari 2017**.

- i. **Surat Setuju Terima** ini.
- ii. **Surat jawapan Setuju Terima** yang telah lengkap ditandatangani.
- iii. **Surat akuan pembida berjaya**.
- iv. Dua (2) salinan **dokumen perjanjian kontrak** yang telah dilengkapkan menggunakan pen berdakwat hitam dan dimatikan setem dengan nilai yang ditentukan oleh LHDN untuk tiap-tiap satu dokumen.
- v. **Bon Pelaksanaan** dengan nilai yang telah dinyatakan dalam perenggan **no. 4** surat ini.

**Sekiranya tuan memilih untuk mengemukakan Jaminan Bank / Jaminan Insurans, sila pastikan jaminan tersebut mengikut format contoh yang disertakan.*

7. Sekiranya pihak kami tidak mendapat apa-apa jawapan selepas tarikh tersebut kami menganggap bahawa tuan telah tidak bersetuju menerima tawaran ini. Aduan ke Kementerian Kewangan akan dibuat berhubung dengan penolakan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



SUMASNI BINTI SULAIMAN
Penolong Bendahari Kanan
b.p. Bendahari UiTM

1. Ketua Timbalan Bendahari
Bahagian Pengurusan Perolehan
Pejabat Bendahari, UiTM Shah Alam

2. Prof. Datin Dr. Noor Habibah Hj. Arshad
Pengarah
Jabatan Infostruktur
Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
UiTM Shah Alam
3. En. Shamsuri Awang Seman
Ketua Pegawai Teknologi Maklumat
Jabatan Infostruktur
Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
UiTM Shah Alam
4. Encik Masnawi
Timbalan Pengerusi
Jawatankuasa IT & Elektronik
Jabatan Infostruktur
Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
UiTM Shah Alam
5. Timbalan Bendahari
Unit Kewangan Zon 6
Pejabat Bendahari
UiTM Shah Alam
6. Lembaga Hasil Dalam Negeri
Cawangan Negeri Selangor
Unit Majikan, Tingkat 9-13
Bangunan Plaza Perangsang
Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
7. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kementerian Kewangan No 3,
Persiaran Perdana,
Presint 2,
62596, Putrajaya

JAWAPAN SURAT SETUJU TERIMA BEKALAN/PERKHIDMATAN

Bendahari
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

Tuan,

**NO. SEBUT HARGA : PB/PER/3/30/16
CADANGAN KONTRAK PENYELENGGARAAN PERALATAN SISTEM
RANGKAIAN UiTM SHAH ALAM.**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa kami bersetuju melaksanakan pembekalan/perkhidmatan tersebut seperti di dalam Surat Setuju Terima dengan dengan nilai kontrak [REDACTED]

[REDACTED] Harga adalah termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Sekiranya kami gagal menyempurnakan bekalan/perkhidmatan tersebut, pihak UiTM berhak mengambil tindakan ke atas kami mengikut syarat-syarat kontrak.

Nama Pengurus Syarikat : [REDACTED]
No. Kad Pengenalan : [REDACTED]
Tandatangan : *[Signature]*
Cop Rasmi Syarikat : 
No. Telefon : [REDACTED]
Tarikh Setuju Terima : 3 DISEMBER 2017

SAKSI

Nama Saksi : [REDACTED]
No. Kad Pengenalan : [REDACTED]
Tandatangan : *[Signature]*
Alamat : [REDACTED]
Tarikh : 3 DISEMBER 2017

Contoh Dokumen Tawaran Syarikat (*Dokumen Spesifikasi Yang Diisi oleh syarikat*)

SULIT

 **JABATAN INFOSTRUKTUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR**

**CADANGAN KONTRAK PENYELENGGARAAN PERALATAN SISTEM RANGKAIAN UITM
SHAH ALAM**

Nombor Tawaran : PB/PER/3/30/16

Nombor Item : 1- Network Equipment Maintenance Services (UiTM Shah Alam)

Kuantiti Dikehendaki : 1 Lot

Jenama dan Model Terperinci : CISCO GOLD SUPPORT 24x7x4

Negara Pembuat : MALAYSIA

Sila rujuk kepada Appendix A untuk senarai lengkap perkakasan-perkakasan rangkaian yang perlu diselenggara untuk tender ini.

Penentuan Spesifikasi :

(Sila tanda jika menepati spesifikasi atau tanda X jika tidak menepati spesifikasi pada ruangan Calit)

Bil	Butiran Keperluan UITM	Tawaran Syarikat		Rujukan Terperinci Dim Katalog
		Calit	Catatan/ Keterangan Seperti Dalam Katalog	
1.	General Requirements and Remedial Maintenance			
	<p>a. The Tenderer shall provide maintenance services for the equipment stated in the Maintenance Equipment List given by UiTM in Appendix A.</p> <p>Five core switch have been excluded from the list because they have been replaced by new purchase.</p> <p>The previous maintenance contract have replaced two 1 port 10-Gigabit Ethernet Module only.</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	<p>SILA Rujuk LAMPIRAN</p> <p></p> <p>SUMASNI SULAIMAN Penolong Bendaharan Unit Proses Sebut Harga Bahagian Pengurusan Perolehan Pejabat Bendahari, UiTM Shah Alam</p>	

NOTA :

1. Penender tidak dibenarkan meminda mana-mana spesifikasi teknikal
2. Penender dikehendaki mengikut arahan dalam dokumen spesifikasi teknikal
3. Penender dimestikan mencalit diletak kotak dan memberi ulasan ter
4. Penender dimestikan mengepilkan dokumen asal spesifikasi teknikal dan katalog
5. Penender diminta memberikan rujukan terperinci (Contoh : M/S, para dll) kepada

08/LiTM Shah Alam/Network Maintenance/b2/092016 Page 1 / 5

SULIT

**JABATAN INFOSTRUKTUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR**

Bil	Butiran Keperluan UiTM	Tawaran Syarikat		Rujukan Terperinci Dim Katalog
		Galit	Catatan/ Keterangan Seperti Dalam Katalog	
	<p>b. The Tenderer shall provide unlimited access to Call Centre (24 hours a day and 7 days a week).</p> <p>The Call Centre must be able to be contacted via phone, fax and email.</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	
2.	Preventive Maintenance			
	<p>a. The Tenderer shall perform the Preventive Maintenance according to the agreed schedule and submit a report as specified by UiTM upon completion of the job within agreed time frame via electronic medium.</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	
	<p>b. The Preventive Maintenance Services shall consist of repairs, replacement of defective parts, alignments, calibrations, cleaning of equipment surfaces and tagging if required.</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	
	<p>c. During the Preventive Maintenance activities, the Tenderer shall perform the following but not limited to:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. General cleaning and physical inspection. ii. Memory and CPU utilization check. iii. Software patches update if applicable. iv. Backup Configuration and Syslog output. v. Ensure all cables and connectors are properly connected and managed. vi. Cable rearrangement if applicable. vii. Equipment inventory check and update. viii. Checking general environment condition: 	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	<p><i>[Signature]</i> SUMASNI SULAIMAN Penolong Bendahan Unit Proses Sebut Harga Bahagian Pengurusan Perolehan Pejabat Bendahan, UiTM Shah Alam</p>

NOTA: 1. Penender tidak dibenarkan meminda mana-mana spesifikasi teknikal
 2. Penender dikehendakki mengikut arahan dalam dokumen spesifikasi teknikal yang ditetapkan
 3. Penender dimestikan mencalit disetiap kotak dan memberi ulasan terperinci kepada setiap bahagian yang ditunjukkan
 4. Penender dimestikan mengepulkan dokumen asal spesifikasi teknikal dan katalog perolehan yang ditunjukkan
 5. Penender diminta memberikan rujukan terperinci (Contoh : M/S, para dll) kepada mana-mana komponen dalam katalog

08/UiTM Shah Alam/Network Maintenance/b2/092016 Page 2 / 5

SULIT



**JABATAN INFOSTRUKTUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR**

Bil	Butiran Keperluan UITM	Tawaran Syarikat		Rujukan Terperinci Dlm Katalog
		Calit	Catatan/ Keterangan Seperti Dalam Katalog	
	a. Cabinet condition is good and not rusty. b. Room temperature within 18 – 25 degrees Celsius (based on UiTM's ISO requirements). c. Fabric Card or Routing Engine temperature must be below 40 degrees Celsius. d. Air filter is clean. e. Good equipment ventilation. f. Equipment are properly grounded.		SILA Rujuk LAMPIRAN	
3.	Records and Reports			
	a. The Tenderer shall perform weekly/bi-weekly/monthly meetings to update UiTM with current issues and provide improvement plans.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk	
	b. The Tenderer shall provide and maintain separate hard and soft copies of all the records and reports required.	<input checked="" type="checkbox"/>	LAMPIRAN	
	c. All reports shall also bear the dates and time of the activities.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk	
	d. All reports shall be verified by the identified on-site support engineers.	<input checked="" type="checkbox"/>	LAMPIRAN	
4.	Service Request or Trouble Ticket System Creation			
	a. The Tenderer shall open a Service Request or Trouble Ticket regardless of the Severity level. This record will be used for further investigation on the case.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	 SUMASNI SULAIMAN Penolong Bendahari Unit Proses Sebut Harga Bahagian Pengurusan Peroleh Pejabat Bendahari, UiTM Shah A

NOTA: 1. Penender tidak dibenarkan meninda mana-mana spesifikasi teknikal
 2. Penender dikehendaki mengikut arahan dalam dokumen spesifikasi perkhidmatan yang asal
 3. Penender dimestikan mencalit disetiap kotak dan mengikut arahan yang ditawarkan
 4. Penender dimestikan mengepikan dokumen asal spesifikasi perkhidmatan/peralatan yang ditawarkan
 5. Penender diminta memberikan rujukan terperinci (Contoh : M/S, para dll) kepada mana-mana komponen dalam katalog

MASHARIF MUSTAFFA
 Tindakan Pengerusi
 Unit Proses Sebut Harga
 Bahagian Pengurusan Peroleh
 Pejabat Bendahari, UiTM Shah Alam

08/UITM Shah Alam/Network Maintenance/b2/D92016 Page 3 / 5

SULIT



JABATAN INFOSTRUKTUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

Bil	Butiran Keperluan UiTM	Tawaran Syarikat		Rujukan Terperinci Dlm Katalog
		Galit	Catatan/ Keterangan Seperti Dalam Katalog	
	b. The Tenderer shall open the Service Request or Trouble Ticket based on the agreed MTTA (Mean Time to Attend). The Service Request can be opened via E-mail, Phone, Web or Fax.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	
	c. The Tenderer shall provide access to UiTM Network Engineers / Network Operation staff on all updates made to the Service Request or Trouble Ticket. The access shall be provided on-line (in electronic form) to UiTM or vice-versa.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	
	d. The Tenderer shall be required to consolidate and integrate the Service Request or Trouble Ticket system with UiTM system, i.e. Vendor Management System (VMS).	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	
5.	Vendor Support Requirement			
	a. The Tenderer shall have support for the equipment for Chassis & Line Card and other components specified in Appendix A. The support services will be between UiTM and Vendor only, the vendor need to provide the followings :- i. Access to Support Engineers. ii. Provide Level 1 & 2 Support. iii. Escalation Support. iv. Parts Replacement to meet MTTR requirement. v. Onsite Support Services as and when required by UiTM. vi. Restoration services once the part replacement arrived on-site.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	 SUMASNI SULAIMAN Perolong Bendahari Unit Proses Sebut Harga Bahagian Pengurusan Perolehan Pejabat Bendahari, UiTM Shah Alam

NOTA: 1. Penender tidak dibenarkan meminda mana-mana spesifikasi teknikal
2. Penender dikehendakki mengikut arahan dalam dokumen spesifikasi teknikal
3. Penender dimestikan mencalit disetiap kotak dan memberi ulasaf
4. Penender dimestikan mengepikan dokumen asal spesifikasi teknikal dan katalog peralatan yang ditunjukkan
5. Penender diminta memberikan rujukan terperinci (Contoh : M/S, para dll) seperti mana mana komponen dalam katalog

MASWAH MUSTAFFA
Jawatan: Asset & Bekalan
UiTM Shah Alam

08/UiTM Shah Alam/Network Maintenance/02/092016 Page 4 / 5

SULIT



JABATAN INFOSTRUKTUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

Bil	Butiran Keperluan UITM	Tawaran Syarikat		Rujukan Terperinci Dlm Katalog
		Cafit	Catatan/ Keterangan Seperti Dalam Katalog	
	b. The Tenderer shall provide Customer Operation Manual that describes the communication process and escalation procedures.	<input checked="" type="checkbox"/>	SILA Rujuk LAMPIRAN	

Tempoh jaminan (Minimum 1 Tahun) : 1 TAHUN
Tempoh akhir sahlaku tawaran : 90 Hari
Tempoh serahan : 4-6 MINJGU

SUMASNI SULAIMAN
Penolong Bendahari
Unit Proses Sebut Harga
Bahagian Pengurusan Perolehan
Pejabat Bendahari, UITM Shah Alam

MAANAWI MUSTAFFA
Unit Pengerusi

NOTA :
1. Penender tidak dibenarkan meminda mana-mana spesifikasi teknikal
2. Penender dikehendaki mengikut arahan dalam dokumen spesifikasi teknikal setiap asal
3. Penender diwajibkan mencalit disetiap kotak dan memberi ulasan terperinci spesifikasi yang ditawarkan
4. Penender diwajibkan mengepulkan dokumen asal spesifikasi teknikal dan katalog peralatan yang ditawarkan
5. Penender diminta memberikan rujukan terperinci (Contoh : M/S, para dll) kepada mana-mana komponen dalam katalog
08/UITM Shah Alam/Network Maintenance/02/092016 Page 5 / 5

Contoh Borang Terimaan Barang-Barang (Lampiran A & Lampiran B)



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

LAMPIRAN A

Kegunaan Pejabat Bendahari

No. Penerimaan (FAIS)

**PERAKUAN TERIMAAN BARANG-BARANG
(HARTA MODAL / INVENTORI / BEKALAN)**

MENGIKUT PEKELILING NAIB CANSOLOR BILANGAN 13 TAHUN 2007, PERAKUAN PENERIMAAN BARANG-BARANG MESTI DISEDIA DAN DIHANTAR KEPADA PEJABAT BENDAHARI DALAM TEMPOH 7 HARI DARI TARIKH TERIMA BARANG-BARANG ATAU TARIKH UJILARI (MANA YANG BERKENAAN).

NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT NAMA BAHAGIAN/PUSAT/UNIT/FAKULTI/KAMPUS CAWANGAN
CHRYCALIS NETWORKS FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM
DL 55 JALAN NILAM NO. PESANAN JABATAN 6050101199
TMN BUKIT AMPANG, SELANGOR NO. NOTA SERAHAN (DO) 16/1024
TARIKH TERIMA BARANG 2 NOVEMBER 2016 NO. INBOIS 16/1024

Dengan ini adalah disahkan bahawa barangan berikut telah diterima dengan sepenuhnya mengikut kuantiti, kualiti dan syarat-syarat kontrak / spesifikasi yang ditetapkan :

BIL	BUTIRAN BARANGAN (Nyatakan Nama Barangan, Jenama, Model dan No. Siri)	TARIKH BARANGAN DITERIMA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	LOKASI	NAMA PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB
1	PLAXIS 3D 2016 SUITE 25 users Education License inclusive of Basic, Dynamic and Fluxflow SN : 3-3548900 SN : 3-3548901	2 NOV 2016	25 users	100,000	IDP OFFICE	MD FAIZAL BIN ZAKARIA

PENGESAHAN UJILARI : Tandakan diruangan yang berkenaan:

Item Bil 1 telah diujilari mengikut kontrak / spesifikasi yang ditetapkan pada 2/11/16

Item Bil tidak perlu diujilari.

	BARANG DITERIMA OLEH (*)	PENGESAHAN UJILARI OLEH PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB / PEMOHON (**)	PENGESAHAN UJILARI OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL BERKAITAN (***)	DISAHKAN OLEH (****)
Tandatangan				
Nama & Jawatan / Cop Rasmi	Rozhimati Hamidi Pensyarab Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang	AZLAN AZIMAD Pensyarab Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang	MASNAWI MUSTAFFA Timbalan Pengerusi Jawatankuasa IT & Elektronik UiTM Shah Alam	KAY DORA ABD GHANI Ketua Pusat Pengajian Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh
Tarikh	17/11/2016	17/11/2016	24/12/2016	17/11/2016

(*) Pegawai yang dilantik oleh PTJ atau yang memohon barang.

(**) Pegawai yang dipertanggungjawab di dalam urusan penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan keselamatan sesuatu barang.

(***) Lengkapkan jika berkaitan sahaja (Contoh : JPPICT, J/kuasa Teknikal Peralatan Fakulti/Bahagian/Kampus Cawangan, J/kuasa Teknikal Alat Pandang Dengar dll)

(****) Pengesahan mestilah dilakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Wakil yang dilantik oleh Ketua PTJ.



13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

LAMPIRAN B

Kegunaan Pejabat Bendahari

No. Penerimaan (FAIS) :

PENGESAHAN KERJA / PERKHIDMATAN

MENGIKUT PEKELILING NAIB CANSOLOR BILANGAN 13 TAHUN 2007, PERAKUAN PENGESAHAN KERJA DAN PERKHIDMATAN MESTI DISEDIA DAN DIHANTAR KEPADA PEJABAT BENDAHARI DALAM TEMPOH 7 HARI DARI TARIKH SIAP KERJA/PERKHIDMATAN ATAU TERIMA PENGESAHAN PERUNDING (MANA YANG BERKENAAN).

Nama dan Alamat Syarikat	Bahagian / Pusat / Unit / Fakulti / Cawangan
<u>CHRYSALIS NETWORKS</u>	<u>FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM</u>
<u>DL55 JALAN NILAM</u>	
<u>TMN BUKIT AMPANG</u>	No. Tender / Sebutharga / Kerja Undi :
<u>68000 AMPANG</u>	No. Pesanan Jabatan : <u>6050101/199</u>
<u>SELANGOR</u>	Nombor Inbois : <u>16/1024</u>
Tarikh Mula : <u>16 SEPTEMBER 2016</u>	Tarikh Siap : <u>16/1024</u>

Dengan ini adalah disahkan bahawa kerja-kerja / perkhidmatan telah disempurnakan oleh syarikat seperti nama dan alamat di atas mengikut spesifikasi dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan. Pembayaran bolehlah dibuat berdasarkan keterangan-keterangan berikut:

Perkara	Harga (RM)
CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENYELENGGARAKAN PERISIAN KOMPUTER (PLAXIS 3D), FKA UITM P-PINANG	100,000
Jumlah Harga (RM)	100,000

	Disediakan	Disemak	Disahkan*
Tandatangan			
Nama dan Jawatan dan Cop Rasmi	Rozaini Bt Ramli Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang	AZURA AHMAD Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang) 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang	DR. KAY DORA ABD GHANI Ketua Pusat Pengajian Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh
Tarikh	17/11/2016	17/11/2016	17/11/2016

(*) Pengesahan mestilah dilakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Wakil yang dilantik oleh Ketua PTJ.